

Bantu lonjak semula ekonomi negara

3

SIBS sasar nilai jualan RM1.5 bilion

5

Reformasi tingkat sistem tatakelola

4

Tambah 489 hektar keluasan hutan simpan

7

# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 28 SEPTEMBER - 4 OKTOBER 2023

www.selangorkini.my

## Stok beras cukup hingga akhir tahun

Orang ramai diminta tidak buat belian panik kerana Selangor ada baki 20,000 tan metrik dari kadar guna biasa setakat 19 September. Bekalan itu bertambah apabila tuaian padi dibuat di utara negeri tidak lama lagi

MUKA 2

### Jualan murah diteruskan tahun depan

Inisiatif bantu rakyat beli barangan dapur pada harga lebih rendah daripada pasaran dengan jenama baharu dan format berbeza. Sebelum ini, negeri beri subsidi RM40 juta untuk program meliputi 2,850 lokasi

MUKA 8



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyampaikan replika kunci kepada penerima rumah ketika majlis perasmian penyerahan kunci 420 unit Pangsapuri Selangorku @ Seri Temenggung di Gombak pada 22 September 2023. Foto HAFIZ OTHMAN ► BERITA MUKA 6

## pancawarna

### Hadis 40 rujukan dunia Islam

Ringkasan lengkap himpunan 42 hadis Imam Nawawi sebagai panduan


9-10



### Simpan rasa sayang dalam garang

Cendekiawan Mesir singkap sisi berbeza Umar al-Khattab

11



### Undi buktikan Kerajaan Perpaduan diterima

Kerjasama HARAPAN-BN benteng kekang Gelombang Hijau

16



## Talian 24 jam lapor kekurangan stok

**SHAH ALAM** - Orang ramai boleh melapor kekurangan bekalan beras di pasaran kepada unit Kawalselia Padi dan Beras Negeri Selangor (KSPDS) menerusi talian aduan yang dibuka 24 jam.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata KSPDS akan mengambil tindakan dalam masa 24 jam selepas menerima laporan bagi memastikan bekalan itu tidak terputus.

"Saya seru rakyat jangan membuat pembelian panik sebaliknya kalau ada kekurangan bekalan boleh lapor kepada KSPDS.

"Kita akan hantar ke lokasi terbabit untuk mengelakkan kekurangan bekalan untuk memudahkan rakyat," katanya pada 21 September.

Orang ramai boleh hubungi talian aduan 03-3289 8419 atau 017-223 0771 melalui aplikasi WhatsApp.

## Tawar 30 peratus harga lebih murah

**SHAH ALAM** - Program jualan murah yang menawarkan harga 30 peratus lebih murah berbanding nilai pasaran antara kejayaan negeri membantu rakyat terjejas akibat kenaikan kos sara hidup.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Jualan Ehsan Rahmah (JER) juga antara strategi pentadbiran negeri untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan ayam dan telur ayam.

"Jualan murah ikhtiar Kerajaan Negeri dalam usaha membantu ringankan beban dan kos sara hidup rakyat yang ditanggung selama beberapa bulan atau tahun-tahun yang lepas.

"Pelaksanaan program jualan murah juga untuk tangani masalah kekurangan bekalan dua item carian besar iaitu ayam dan telur.

"Pada musim perayaan lalu, bekalan tersebut sentiasa cukup berbanding pengalaman pada 2022 dan 2021," katanya pada 21 September.

**IMBAS DI SINI**  
akhbar digital minggu lepas



# Sekinchan jadi contoh negeri lain

**SHAH ALAM** - Kaedah penanaman padi di Sekinchan yang menghasilkan pengeluaran lebih tinggi berbanding kebanyakan negeri lain disebar luas ke kawasan lain, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata Selangor mengeluarkan 138,903.13 tan metrik beras setahun melibatkan 6,871 pesawah di tanah seluas 18,061.53 hektar bersamaan 4.19 tan metrik sehektar.

"Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menggerakkan usaha meningkatkan produktiviti padi dengan menyebarkan kaedah penanaman padi

di Sekinchan yang mempunyai pengeluaran lebih tinggi ke negeri-negeri lain," katanya pada 21 September.

Menegaskan keperluan untuk penduduk negeri mencukupi, beliau menjelaskan isu bekalan beras putih tempatan menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat di beberapa negeri.

Beliau menambah pembelian beras meningkat di kebanyakan negeri termasuk Selangor kebelakangan ini berikutan orang ramai risau berlaku kekurangan bekalan dalam tempoh panjang.

Katanya, Malaysia mengimport

338,863 tan metrik beras iaitu 13.13 peratus daripada keperluan tahunan iaitu 2,580,000 tan metrik bagi menampung penggunaan seluruh rakyat di negara ini.

Amirudin berkata sara diri beras negara adalah 62 peratus manakala bakiannya diimport dari Vietnam, Thailand, Pakistan dan India yang melarang eksport varian bukan basmathi sejak Julai.

Pada Julai, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu mengakui terdapat kekurangan bekalan beras tempatan disebabkan faktor cuaca.

20,000 tan metrik hingga akhir tahun

# Tiada had beli beras tempatan

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

**SHAH ALAM** - Bekalan beras putih tempatan di Selangor cukup untuk menampung keperluan penduduk sehingga akhir tahun, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan negeri memiliki baki bekalan 20,000 tan metrik sekali gus tiada keperluan untuk menggunakan stok penimbal iaitu simpanan jika sesuatu barangan di pasaran tidak cukup.

"Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri panggil Kawalselia Padi dan Beras Selangor (KSPDS), mereka laporkan kadar guna beras sekitar 45,500 tan untuk sebulan.

"Sehingga tempoh 19 September, kita masih ada baki separuh iaitu sekitar 20,000 tan metrik lagi dari kadar guna biasa. Maknanya, baki yang ada ini cukup sehingga Disember.

"KSPDS juga menyebut akhir September, kita akan ada bekalan tambahan melihat trend menuai padi di utara negeri, Insya-Allah bekalan beras cukup buat rakyat Selangor," katanya di Wisma Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKPS) di sini pada 21 September.

Meminta orang ramai tidak membuat belian panik, Amirudin juga memberi jaminan tiada penetapan had pembelian beras tempatan untuk memenuhi keperluan enam juta penduduk negeri.

"Kita tidak mahu tambah tekanan kepada rakyat dengan meletakkan had pembelian kerana akan menimbulkan masalah seperti pasaran gelap.

"Tidak perlu belian panik kepada masyarakat di Selangor terutama tanpa sentuh stok penimbal serta kemasukan bekalan baru melalui pemulaan musim penuaian padi pada bulan ini," katanya.

Amirudin menambah pentadbiran negeri melalui PKPS juga berusaha menambah bekalan di pasaran melalui inisiatif jualan beras jenama Ehsan melibatkan tujuh lokasi.

"PKPS akan membeli beras import dan dijual pada harga tempatan untuk mengurangkan beban rakyat dengan harga RM13/5kg serta RM26/10kg," kata beliau.

# Jualan bantu atasi isu bekalan

**SHAH ALAM** - Sebahagian penganjuran program Jualan Ehsan Rahmah (JER) tertumpu kepada jualan beras bagi menangani isu kekurangan bekalan itu pada masa ini, kata Dato' Menteri Besar.

Menjelaskan usaha tersebut antara langkah penyelesaian awal sehingga bekalan tersebut kembali stabil, Dato' Seri Amirudin Shari berkata sebanyak tujuh lokasi jualan murah itu dipilih.

"Kita sedang susun semula JER un-

tuk selaraskan dengan persekutuan. Sementara penyusunan semula selesai, kita tumpu kepada jualan beras.

"Ini langkah untuk stabilkan bekalan, tidak boleh berkekalan," katanya selepas melancarkan lori pemampat baharu KDEB Waste Management di sini pada 20 September.

Amirudin juga sentiasa bertemu wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bagi men-

getahui status bekalan beras di Selangor.

Bermula 20 September, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) menjual 2,700 kampil beras lima kilogram dengan harga serendah RM10 di tujuh lokasi sehari.

Lokasi itu ialah cawangan Wisma PKPS (Seksyen 14), Ehsan PKPS (Seksyen 9), Ehsan PKPS (Meru), Kiosk Ehsan (Selangor Fruit Valley) dan tiga lori jualan bergerak Ehsan PKPS.

# Tumpu teknologi sisa kepada tenaga

**SHAH ALAM** - Pembangunan teknologi sisa kepada tenaga (Waste-To-Energy) diberi tumpuan pada masa depan berikutan dampaknya kepada ekonomi negeri, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan perkara tersebut dimulakan sejak 2018 malah penerokaan dan kebole-

laksanaan industri turut dibincang bersama wakil pihak berkuasa tempatan.

"Ini antara strategi dalam dua tiga tahun ini. Kalau berkeupayaan, kita buat tahun depan menerusi Belanjawan 2024 supaya ekonomi kitar semula bernilai tinggi dapat dibuat.

"Industri ini hasilkan tenaga baha-

ru dan kurangkan penggunaan elektrik. Kita percaya imej korporat dan lori pemampat baharu ini peringkat keupayaan kita," katanya pada 20 September.

Beliau berkata pihaknya juga mencari formula baharu bagi membuat kutipan sampah di kampung tradisi.





**SEMANGAT...** Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama penyokong KEADILAN melaungkan "Reformasi" ketika sambutan Jubli Perak 25 Tahun Reformasi dan perasmian Mesyuarat Agung Cabang Wanita dan AMK Negeri di Petaling Jaya pada 20 September. Foto HAFIZ OTHMAN ▶ BERITA MUKA 4

## Belanjawan dibentang Oktober

# Bantu Putrajaya lonjak ekonomi

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

**SHAH ALAM** - Belanjawan 2024 yang akan dibentang pada Oktober menjadi penanda aras untuk membawa ekonomi negara ke landasan lebih baik.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata belanjawan itu juga akan mengemukakan pelan fiskal dan kewangan lebih jelas tahun depan demi kebaikan rakyat.

"Dalam tempoh sebulan lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bentang kerangka Ekonomi MADANI diikuti polisi tenaga boleh guna oleh Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Nik Nazmi Nik Ahmad.

"Tidak lama selepas itu, pelan hala tuju perindustrian negara dibentang Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz. Walaupun perkara tersebut sudah dibentang, belanjawan ini akan menunjukkan pelan fiskal lebih jelas tahun depan.

"Apakah yang mampu dan boleh kerajaan laksanakan bersama demi memulih ekonomi negara. Kerajaan Negeri sudah pasti menantikan belanjawan ini," katanya.

Beliau berucap dalam Jelajah Belanjawan 2024 sempena majlis dialog bersama Timbalan Menteri Kewangan II Steven Sim Chee Keong ke Selangor di pusat pentadbiran negeri pada 21 September.

Sementara itu, Steven memaklumkan Kementerian Kewangan menerima 10,000 maklum balas Belanjawan 2024 melalui portal selain berinteraksi dengan 8,000 peserta secara bersemuka untuk diteliti dan diberi pertimbangan.

"Apa yang dicadang amat penting dan kita tidak boleh janji 100 peratus maklum balas boleh dilaksanakan sebab kadangkala ada percanggahan daripada segi kepentingan.

"Setiap sektor ada keperluan berlainan, jadi kita akan beri pertimbangan setara kepada semua. Pasukan bajet akan buat perincian keutamaan dan fokus kerajaan sebagai panduan," katanya.

## Bangunkan semula bandar lama

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor mahu memohon peruntukan daripada Kementerian Kewangan bagi membangunkan semula beberapa bandar lama yang dahulunya pernah menjadi sumber ekonomi negeri.

Dato' Menteri Besar berkata dana itu bertujuan meremajakan kawasan yang dibangunkan sekitar 1970 dan 1980-an untuk digabungkan dengan kepesatan pembangunan bandar baharu di sekitarnya.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan usaha melibatkan bandar antaranya

Petaling Jaya, Ampang, Gombak, Cheras serta Pandan memerlukan sokongan kewangan selain kebenaran pemilik tanah.

"Misalnya Petaling Jaya yang merupakan bandar satelit pertama di Malaysia. Sebahagian bandar itu dibangunkan pada 1970-an tetapi sudah tidak serasi dengan keperluan semasa.

"Begitu juga PJ Old Town, ada banyak kawasan yang akan tamat tempoh pajakan. Daripada segi nilai setiap lot pula lebih RM1 juta, jadi ini perkara perlu kita tangani.

"Jika ada dana dan kajian untuk

menyegarkan semula bandar itu, ia perkara baik. Jika tiada (usaha meremajakan) ia akan menenggelamkan bandar ini," katanya pada 21 September.

Amirudin menambah Selangor turut berhasrat menggabungkan empat bandar raya negeri ini sebagai 'Kosmopolitan Lembah Klang' atau 'Metropolis Lembah Klang'.

"Ini dimulakan tahun depan supaya ia (empat bandar raya) jadi bandar raya mega (super city). Klang yang baru dinaik taraf (status Bandaraya) merupakan aset tambahan kita," katanya.

## Tambah dana baik jalan persekutuan

**SHAH ALAM** - Selangor berharap kerajaan persekutuan menambah peruntukan tahunan bagi kerja penyelenggaraan dan menaik taraf jalan persekutuan di negeri ini kepada RM800 juta.

Dato' Menteri Besar berkata dana Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia antara RM400 hingga RM600 juta setahun tidak mencukupi bagi menampung kos pembaikan di lokasi perindustrian.

"Kita berdepan isu kualiti beberapa jalan persekutuan bermasalah dan peruntukan kepada Jabatan Kerja Raya agak rendah terutama mengurus jalan utama melibatkan kawasan perindustrian.

"Aduan paling besar datang dari Klang melibatkan jalan ke Pelabuhan Klang di Pulau Indah. Justeru, kita minta peruntukan tahunan dipertingkatkan," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 21 September.

## Mohon segerakan projek tebatan bah

**SHAH ALAM** - Beberapa projek tebatan banjir yang digariskan kerajaan persekutuan sebelum ini perlu disegerakan bagi mengelak tragedi 2021 berulang.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pelaksanaan itu juga penting bagi melancarkan kemasukan pelabur asing ke negara ini khususnya di Selangor.

"(Misalnya) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kapar Kecil dan Sungai Kapar Besar, begitu juga (RTB) Sungai Langat fasa dua. Ini merupakan perkara penting dan jumlahnya (kos) juga besar kerana lanjutan daripada RTB fasa pertama.

"Hal ini kalau boleh dilaksanakan segera kerana trauma dan ingatan kita terhadap tahun 2021 (bah besar) masih lagi membekas selain memberi kesan kepada kehadiran pelabur yang bertanya adakah banjir ini masih berulang," katanya.

## Fasa dua LRA Rasau tingkat rizab

**SHAH ALAM** - Pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Rasau fasa dua yang dibina secara dwifungsi berupaya meningkatkan rizab air di Selangor, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata projek meliputi tebatan banjir dan agihan bekalan itu menghasilkan air terawat sekurang-kurangnya 1,400 juta liter sehari apabila siap menjelang 2027.

"LRA tersebut adalah loji paling moden di Asia Tenggara dan bantu tingkatkan rizab margin atau rizab air di Selangor. Ini (pembinaan LRA itu) antara perkara yang telah berlaku.

"Loji ini juga akan abstrak air Sungai Klang setelah kualiti sungai itu pada tahap tiga selepas kita buat projek pembersihan menerusi Gerbang Maritim Selangor."

## Ubah landskap politik negara

**PETALING JAYA** - Dato' Seri Amirudin Shari menyifatkan Gerakan Reformasi dipelopori Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) sebagai perjuangan panjang yang mengubah landskap politik negara.

Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) KEADILAN Selangor itu berkata agenda berkenaan juga berlarutan hingga kini dan semangatnya kekal subur meski ada mentohmah kononnya perjuangan tersebut telah mati.

"Sesetengah pihak mudah menyatakan reformasi sudah mati dan dikuburkan dengan sebab beberapa keputusan terkini daripada Kerajaan Perpaduan.

"Sebenarnya, orang ini sangat takut dengan reformasi. Orang ini sangat bimbang dengan reformasi dan tidak mahu reformasi terus berlaku," katanya pada 20 September.

Beliau menyifatkan reformasi adalah peristiwa kedua terbesar dalam sejarah politik negara selepas kemerdekaan yang mengubah landskap politik tanah air hingga ke saat ini.

## Pastikan reformasi kekal relevan

**PETALING JAYA** - Ahli Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) terutama angkatan muda diseru mempertahankan semangat reformasi yang membawa perubahan kepada pelbagai sistem.

Ketua Angkatan Muda KEADILAN (AMK) Selangor Muhammad Izuan Kasim berkata persiapan perlu dibuat bagi memastikan semangat reformasi kekal relevan untuk 25 tahun akan datang.

"Ini parti keramat, parti kita yang beri masa depan. Anak muda kena ingat bahawa usaha reformasi paling utama bukanlah sekadar memimpin Putrajaya tetapi mengubah cara berfikir menjadi rakyat yang cakna, bangsa berilmu dan produktif.

"Inilah yang dibawa Anwar (Datuk Seri Anwar Ibrahim) dalam Malaysia Madani," katanya pada 20 September.

Sementara itu, Setiausaha Majlis Pimpinan Negeri (MPN) KEADILAN Selangor Khairuddin Othman mencadangkan supaya pemerksaan peranan ketua kampung dilaksanakan melalui penilaian semula lantikan.

Ketua Wanita KEADILAN Negeri Rozana Zainal Abidin pula mahu lebih ramai wanita ditonjolkan dalam jemaah menteri berdasarkan kredibiliti mereka sekali gus menepis prasangka kepada kebolehan golongan ini.

# Amal kesepakatan demi rakyat

**SHAH ALAM** - Semua pemimpin politik perlu mengamalkan semangat kesepakatan demi kesejahteraan pelbagai lapisan rakyat, kata Ahli Dewan Negeri Pelabuhan Klang Azmizam Zaman Huri.

Beliau menegaskan prinsip sedemikian membawa banyak kesan baik berbanding memperalat isu agama atau perkauman ketika mendekati masyarakat majmuk untuk meraih sokongan politik.

"Lebih baik fikirkan bagaimana mahu satukan rakyat seterusnya cipta kegemilangan. Jangan hanya fikir mahu bersaing dengan musuh (politik)

tetapi fikirkan generasi masa depan.

"Yang lama (veteran) kena jadi contoh. Sikap pemimpin sebegini (peralat isu agama, perkauman) boleh jadi punca (sengketa)," katanya pada 19 September.

Wakil rakyat Seri Serdang Abbas Azmi pula berkata pemimpin perlu mengetepi isu sensitif sebaliknya tertumpu kepada kebajikan rakyat memandang musim pilihan raya telah berlalu.

"Masih mainkan isu ini sebab hendak heret rakyat. Ini untuk kepentingan politik sendiri. Sekarang masa untuk kerja dan bantu semua pen-

duduk tanpa mengira kaum, agama.

"Tumpukan pembangunan. Selangor ada pelbagai kaum, agama. Seharusnya kita bergerak lebih maju," katanya.

Pada 12 September, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menyeru pemimpin politik supaya tidak memperalat agama bagi meraih sokongan dengan memangsakan rakyat untuk kepentingan diri.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj juga menegaskan perbuatan mengeluarkan fatwa secara tidak bertanggungjawab perlu dihenti demi memelihara perpaduan rakyat di negara ini.

## Gerakan Reformasi jadi pencetus

# Tingkat sistem, tatakelola negara

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

**PETALING JAYA** - Perjuangan reformasi sejak 25 tahun yang menjadi denyut nadi Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) mencetus banyak perubahan kepada sistem dan tatakelola di negara ini.

Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) KEADILAN Selangor Dato' Seri Amirudin Shari percaya perjuangan tersebut juga mencetus banyak perubahan ke arah sistem politik yang lebih adil dan matang.

Beliau yang juga Dato' Menteri Besar berkata perubahan itu meliputi tatakelola termasuk pentadbiran cekap

dan beramanah selain meningkat perpaduan dalam kalangan rakyat.

"Ia juga mewujudkan masyarakat yang bersatu-padu dan tidak dipisahkan semangat perkauman," katanya dalam ucapan sempena sambutan Jubli Perak 25 Tahun Reformasi pada 20 September.

Amirudin juga menambah gagasan Malaysia Madani yang dipelopori Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim juga memberi penekanan kepada sistem ekonomi yang lebih bersifat manusiawi.

"Jaga manusia, bukan bangun bangunan dan angkat pertumbuhan ekonomi sahaja tetapi juga jaga rakyat

supaya rakyat miskin terbelah, petani, nelayan terus mendapat perhatian," katanya.

Beliau menjelaskan Selangor turut mengamalkan pendekatan memelihara kebajikan rakyat antaranya pengenalan Iltizam Selangor Penyayang, dahulunya Merakyatkan Ekonomi Selangor.

"Semenjak kita mendapat sedikit ruang di Selangor, kita merakyatkan ekonomi, perkenal Iltizam Selangor Penyayang.

"Siapapun atau apapun (inisiatif) yang dibuat, ia dimulakan Anwar, dimulakan oleh Gerakan Reformasi. Selagi ekonomi manusiawi tertegak di Malaysia, reformasi tidak mati," katanya.

# Terus jiwai semangat perubahan

**PETALING JAYA** - Presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) mengingatkan seluruh pemimpin dan ahli parti tersebut supaya terus menjiwai semangat perubahan bagi menyelamatkan negara.

Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga perdana menteri menegaskan perjuangan dan idealisme reformasi sejak 25 tahun lalu harus terus kental dan kekal kukuh di sanubari mereka.

"Semangat perjuangan, idealisme reformasi harus kental (dan) tetap bersemarak di hati sanubari kita. Kita lalui zaman yang penuh getir itu dengan ledakan suara reformasi.

"Saya harap rakan reformis awal dan anak-anak muda terus menjiwai semangat perubahan untuk menyelamatkan bangsa dan negara," katanya dalam rakaman ucapan pada 20 September.

Anwar menegaskan Malaysia perlu kekal sebagai negara bersatu-padu seterusnya memacu usaha menjadi negara maju dan cemerlang di rantau ini.

Beliau turut menghargai usaha KEADILAN Selangor pimpinan Dato' Seri Amirudin Shari menganjurkan program yang menjadi medan mengingat dan menghargai pejuang reformasi awal.

WAKTU SOLAT	28 SEPT - 4 OKT 2023 12 - 18 RABIULAWAL 1445	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
28 Khamis	5:44	5:54	7:00	1:07	4:15	7:09	8:17	5:45	5:55	7:01	1:07	4:15	7:09	8:18	5:46	5:56	7:01	1:09	4:18	7:11	8:20	
29 Jumaat	5:44	5:54	6:59	1:07	4:16	7:08	8:17	5:44	5:54	7:00	1:07	4:16	7:09	8:18	5:46	5:56	7:01	1:09	4:18	7:10	8:19	
30 Sabtu	5:44	5:54	6:59	1:06	4:16	7:08	8:17	5:44	5:54	7:00	1:07	4:16	7:08	8:17	5:46	5:56	7:01	1:09	4:18	7:10	8:19	
01 Ahad	5:43	5:53	6:59	1:06	4:16	7:07	8:16	5:44	5:54	7:00	1:06	4:16	7:08	8:17	5:46	5:56	7:01	1:08	4:18	7:10	8:18	
02 Isnin	5:43	5:53	6:59	1:06	4:16	7:07	8:16	5:44	5:54	7:00	1:06	4:16	7:08	8:17	5:45	5:55	7:00	1:08	4:19	7:09	8:18	
03 Selasa	5:43	5:53	6:58	1:05	4:16	7:06	8:15	5:43	5:53	6:59	1:06	4:16	7:07	8:16	5:45	5:55	7:00	1:08	4:19	7:09	8:18	
04 Rabu	5:43	5:53	6:58	1:05	4:16	7:06	8:15	5:43	5:53	6:59	1:05	4:16	7:07	8:16	5:45	5:55	7:00	1:07	4:19	7:08	8:17	





**PRIHATIN...** EXCO Belia Najwan Halimi (tiga, kanan) dan EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari meninjau kediaman yang terjejas akibat ribut di sekitar Kampung Sesapan Batu Rembau, Hulu Langat pada 20 September. Foto Facebook Najwan Halimi ▶ BERITA MUKA 7

## Sasar lima industri utama

# Potensi nilai jualan RM1.5 bilion

Oleh **SOFIA NASIR**

**KUALA LUMPUR** - Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2023 antara 19 hingga 22 Oktober menyasarkan lima industri utama bagi mencapai potensi nilai jualan RM1.5 bilion.

Industri tersebut meliputi sektor elektrik dan elektronik, pemrosesan makanan dan minuman, pelaburan digital, perkhidmatan logistik serta jentera dan barangan pengangkutan.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han men-

jelaskan lokasi Selangor yang terletak strategik di tengah-tengah semenanjung antara sebab lima industri tersebut menjadi sasaran utama.

"Kami juga bukan sasarkan taman teknologi di Selangor sahaja, tetapi juga taman teknologi di negeri-negeri lain serta rantau ini kerana kita mahu menjadi pintu masuk Asean," katanya.

Beliau hadir majlis prapelancongan SIBS di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini pada 21 September. Turut sama, Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Berhad Dato' Hasan Azhari Idris.

Bakal disertai lebih 1,000 reruai peserta dari dalam dan luar negara di pusat konvensyen itu, SIBS menjangka 50,000 pengunjung hadir pada tahun ini.

Menjangka program tersebut turut berperanan membantu pemulihan ekonomi negara pada kadar lebih cepat, Sze Han berkata program itu diadakan dalam skala lebih besar pada tahun depan.

"Sidang empat hari ini sebenarnya tidak cukup kerana kita ada banyak kegiatan kepada pelabur. Kita akan buat lebih besar tahun depan dan bahagikan dua atau tiga pameran utama," katanya.

## Peluang kenali keunikan budaya

**PETALING JAYA** - Festival Cerita Rakyat Belia Asia Pasifik Pertama anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang berlangsung sehingga 26 September mampu membentuk kefahaman mengenai kepelbagaian etnik.

EXCO pembangunan wanita berkata menerusi program enam hari itu peserta berbilang bangsa termasuk dari negara luar dapat berinteraksi seterusnya berkongsi pola kebudayaan masing-masing.

"Kepelbagaian dari segi ras, etnik dan identiti akan mencetuskan per-

bezaan dalam banyak aspek seperti agama, pekerjaan, bahasa dan politik sekali gus mencorak pelbagai budaya.

"Jadi peserta akan memahami, menerima, mendalami, mengakui dan mengiktiraf perbezaan serta keunikan seni dan budaya setiap kaum.

"Melalui pemahaman ini barulah persefahaman terutama mengenai seni dan budaya dapat disemai dan dipupuk dalam kalangan masyarakat sejagat," kata Anfaal Saari ketika merasmikan festival berkenaan pada 23 September.

Sebagai usaha berterusan, Anfaal

berkata Kerajaan Negeri serta agensi kementerian akan menganjurkan lebih banyak program berteraskan seni bagi menjaga warisan negara.

"Pihak berkuasa tempatan juga akan berusaha mengangkat martabat khazanah warisan sejarah dan budaya."

Bertemakan 'Menghayati Budaya dan Warisan', MBPJ yang mewakili Malaysia sebagai tuan rumah turut menyajikan beberapa aktiviti menarik antaranya persembahan kebudayaan antarabangsa, seminar kerjaya seni, Perseminaran Seni Antarabangsa PJ 2023.

## Dedah laporan tanah runtuh

**GOMBAK** - Kerajaan Negeri akan mendedahkan hasil laporan teknikal tragedi tanah runtuh di Batang Kali kepada awam dalam tempoh tiga minggu.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata laporan Kementerian Kerja Raya itu telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri selepas dibentangkan dalam Kabinet baru-baru ini.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri kita akan lihat balik, mungkin ambil masa selewat-lewatnya tiga minggu kerana ia melibatkan proses nyah rahsia kerana laporan itu diklasifikasi bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA)," katanya pada 22 September.

Amirudin berkata laporan itu akan dibentangkan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dalam tempoh terdekat sebelum dipamer di laman sesawang.

## RM100,000 buat kajian ekosistem

**HULU SELANGOR** - Sejumlah RM100,000 diperuntuk bagi melaksanakan program penyelidikan biodiversiti di Sungai Chiling, Hutan Simpan Hulu Selangor, kata EXCO alam sekitar.

Jamaliah Jamaluddin berkata dana kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) itu bertujuan memulihara ekosistem serta kehidupan biologi sekali gus menjamin kelangsungan khazanah hutan pada masa depan.

"Cetusan idea program ini bermula selepas JPNS mengadakan sembah taklimat Pelan Induk Pembangunan Hutan Warisan Diraja Negeri Selangor kepada Sultan Selangor pada Mac lalu.

"Sebanyak 50 penyelidik dari institusi pengajian tinggi awam dan agensi tempatan terlibat dalam program bermula 18 hingga 22 September. Data yang diperolehi membantu JPNS untuk terus memelihara khazanah alam," katanya.

## 400 peniaga sertai seminar e-dagang

**SHAH ALAM** - Lebih 400 usahawan perusahaannya mikro, kecil dan sederhana di Selangor menyertai seminar e-dagang sejak Januari hingga 21 September, kata EXCO Keusahawanan Najwan Halimi.

Katanya, program anjuran bersama Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) dan App Engage Sdn Bhd mendedahkan peserta kepada kaedah pemasaran lebih tersusun.

Beliau menambah kaedah pendigitalan menggunakan pakai sistem Sprii Commerce membantu usahawan mengurus inventori menerusi kaedah digital sekali gus mengurangkan kos menggaji pekerja.

"Urusan jualan dan pemasaran menjadi lebih sistematik menggunakan platform ini," katanya pada 21 September.

## Naik taraf surai aliran trafik

**GOMBAK** - Projek naik taraf Jalan B23, Jalan Sungai Tua dan Persimpangan Kampung Bendahara Sungai Tua di sini, mengurangkan kesesakan lalu lintas serta menjimatkan masa perjalanan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata projek dengan kos RM25.5 juta turut mengatasi masalah banjir kilat di persimpangan Kampung Sungai Kertas yang sering menghantui penduduk.

"Kalau dahulu jalan sedia ada adalah satu lorong sehalu, tetapi dengan siapnya projek ini jalan raya kini dilebarkan menjadi dua lorong sehalu.

"Ia menjimatkan masa perjalanan dan mengurangkan kesesakan. Projek ini turut mempunyai komponen skop kerja untuk atasi masalah banjir," katanya.

## Bina 40,000 rumah dalam lima tahun

**GOMBAK** - Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengiktiraf Selangor sebagai juara dalam penyediaan rumah mampu milik dalam negara.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Kerajaan Negeri membina 40,000 unit rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun sejak 2018.

Beliau menjelaskan angka itu juga mengatasi sasaran 30,000 unit dengan tambahan 45,000 unit lagi bakal disiapkan menjelang akhir tahun ini.

"Dalam kelulusan kita setakat ini sudah mencecah kira-kira 70,000 hingga 80,000 (permohonan). Tetapi KPKT kata yang sudah siap lebih kurang 40,000 dalam tempoh 2018 hingga Ogos.

"Kita juga menunggu 45,000 unit lagi yang bakal disiapkan. Insha-Allah kita yakin (boleh siap) dengan semua projek ini sedang dipantau dan berjalan pada waktu ini," katanya pada 22 September.

## Anjur program didik bersih sungai

**KLANG** - Tourism Selangor dengan kerjasama Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) menganjurkan program pendidikan kebersihan sungai bagi memupuk kesedaran orang ramai.

Pengurus Pembangunan Industri Chua Yee Ling berkata mereka membawa pelajar menyelusuri Sungai Klang untuk menyaksikan operasi mesin pengutip sampah Interceptor dan perangkap sampah.

"Kempen kesedaran ini diberi penekanan di sekolah kerana pelajar ada pengalaman dan melihat sendiri apa yang berlaku di sungai seperti longgokan sampah," katanya pada 20 September.

Pegawai Khidmat Korporat LLSB (Komunikasi) Suhailah Shamsudin pula menambah tiga pakej disediakan untuk program berkenaan menerusi tawaran harga RM600 untuk 10 individu.

# 2,700 beras Ehsan di tujuh lokasi

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) mengadakan jualan beras jenama Ehsan bagi meringankan beban rakyat yang terjejas berikutan kenaikan harga beras tempatan.

Ketua pegawai eksekutifnya Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi men-

jelaskan bekalan 2,700 kampil beras 5kg pada harga RM13 atau RM10 disediakan di tujuh lokasi pada setiap hari.

"Beras tersebut dijual pada harga RM13 di mana-mana premis jualan PKPS tetapi di lokasi Jualan Ehsan Rahmah (JER) kekal pada harga RM10.

"Kita mahu bantu kekalkan rantaian

bekalan makanan untuk rakyat supaya tiada pihak terjejas," katanya pada 20 September.

Beras itu boleh didapati antaranya cawangan Wisma PKPS (Seksyen 14), Ehsan PKPS (Seksyen 9), Ehsan PKPS (Meru), Kiosk Ehsan (Selangor Fruit Valley) dan tiga lori jualan bergerak PKPS.

## Kerajaan Negeri kota janji

# Rumah baharu buat penghuni setinggian

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

**GOMBAK** - Penantian lebih sedekad pasangan warga emas untuk menduduki rumah sendiri menjadi kenyataan berikutan Kerajaan Selangor mengotakan janji untuk menyediakan kediaman baharu.

Mhd Adam Abdullah, 69, dan Nik Norizan Iberahim, 63, mengakui ceria menerima kunci Pangsapuri Selangorku @ Seri Temenggung yang disampaikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Diarah mengosongkan penempatan yang dibina sejak 1986 ekoran kempen Setinggian Sifar sekitar 2006, peneroka asal Kampung Temenggung, Batu Caves menerima unit tersebut pada 22 September.



Peniaga kue-tiau goreng basah itu juga tidak menyangka tapak dahulunya seperti belantara berubah menjadi pangsapuri yang bakal dihuni bersama isteri termasuk 28 peneroka asal lain.

"Sangat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana membela nasib kami yang lama mengimpikan untuk duduk rumah sendiri.

"Kami rancang untuk pindah awal tahun depan memandangkan ruang dalaman rumah perlu ditambah baik terutama perkakas rumah," kata bapa lima anak itu.

Mohd Fuad Mat Din, 55, yang juga peneroka asal pula mengangap tawaran unit lengkap pelbagai kemudahan setimpal dengan perobohan setinggian yang didudukinya sejak 37

tahun lalu.

Beliau memuji pentadbiran negeri yang membayar pampasan RM500 sebulan bagi membantu peneroka asal untuk menyewa kawasan lain sementara menunggu pembinaan tersebut siap sepenuhnya.

"Kami bersetuju dengan kaedah menang-menang iaitu Kerajaan Negeri memberi pampasan sebelum kami keluar dari penempatan ini pada 2012.

"Bimbang juga jika projek tidak siap memandangkan banyak projek perumahan terbengkalai. Namun, Kerajaan Selangor membuktikan sebaliknya. Rumah siap mengikut jadual," katanya.

Pekerja swasta Nur Liyana Yahya, 31, yang sebelum ini menyewa di Sentul, Kuala Lumpur pula berbangga kerana memiliki rumah pada usia muda selepas permohonan dibuat empat tahun lalu.

## Penyedia khidmat air terunggul

**KLANG** - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) mahu mempertingkatkan mutu perkhidmatan melalui pelbagai langkah termasuk mengurangkan kadar air tidak terhasil (NRW) kepada tahap 25 peratus menjelang 2025.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya Ir Abas Abdullah menjelaskan kadar NRW turun 5.5 peratus iaitu 33.3 peratus pada 2017 kepada 27.8 peratus

pada tahun lalu.

Beliau menambah pihaknya juga mahu meningkatkan margin rizab air, menggantikan paip usang selain membina loji rawatan demi memenuhi keperluan pengguna.

"Kita sasar 6,000 km paip usang dan kritikal diganti segera tetapi ia perlu dibuat secara berfasa berikutan kosnya tinggi," katanya pada 17 September.

Mengulas kejayaan agensi itu sepanjang empat tahun, Ir Abas berkata antaranya penggantian 650 km paip usang dan pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih.

"Kita berharap transformasi yang dijalankan dalam memberikan pengalaman terbaik untuk pengguna dapat terus diutamakan selari dengan janji jenama Air Selangor 'setiap titis bermakna'."

## Kutip 88,000 tan sampah sejak 2016

**KLANG** - Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) mengeluarkan 88,000 tan metrik sampah dari Sungai Klang antara 2016 hingga Ogos, kata pegawai khidmat korporatnya (komunikasi).

Suhailah Shamsudin menjelaskan kutipan tersebut dijalankan menggunakan mesin pengutip sampah Interceptor 005 dan 002 serta tujuh perangkap sampah sepanjang sungai berkenaan.

"Dianggar 88,000 tan metrik sampah

atau boleh digambarkan seluas kapal terbang Boeing 777 dikeluarkan. Kira-kira 80 peratus daripadanya adalah plastik," katanya.

Beberapa agensi media dibawa menaiki bot menyelusuri Sungai Klang sejauh 30 kilometer untuk meninjau operasi Interceptor dan perangkap sampah pada 20 September.

Berazam mencapai kelas satu iaitu air boleh terus diminum, Suhailah menjelaskan Sungai Klang kini berada

dalam kelas tiga berdasarkan Sistem Pemantauan Kualiti Air.

"Tidak mustahil kita boleh mencapainya kerana sewaktu Covid-19, pernah berada di kelas dua berikutan kurangnya kegiatan orang ramai di luar," katanya.

Pada 2018, projek Gerbang Maritim Selangor yang dikendalikan LLSB dilancarkan bagi membersihkan, memulihara dan membangunkan Sungai Klang yang tercemar teruk.



370 penduduk terjejas

# Bantu baiki rumah mangsa ribut

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

**HULU LANGAT** - Kediaman mangsa yang terjejas ribut di lima lokasi sekitar Beranang pada 19 September akan dibaik pulih secepat mungkin, kata EXCO Pengurusan Bencana Najwan Halimi.

Beliau menjelaskan Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat membuat banciaan bagi mengenal pasti tahap kerosakan rumah dan laporan penuh dijangka diperoleh selewat-lewatnya dalam tiga hari.

"Kita tengok dulu dari segi kerosakan sebelum kerja baik pulih memandangkan ada rumah rosak sepenuhnya dan ada rosak bahagian tertentu seperti bumbung tercabut kerana dihempap pokok.

"Begitu juga kerugian mangsa.

Tindakan susulan (baik pulih rumah) dibuat," katanya sambil menambah perkara itu akan dibawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan peruntukan.

Najwan dan EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari menziarah mangsa ribut di pusat pemindahan sementara (PPS) Surau Tengah Kampung Sesapan Batu Rembau, Beranang di sini pada 20 September.

PPS yang menempatkan 43 mangsa daripada 10 keluarga turut dilawati Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Ahmad Azri Zainal Nor.

Najwan juga memaklumkan Sukarelawan Selangor (Serve) digerakkan bagi membantu membersihkan kediaman mangsa.

Sementara itu, ribut yang melanda mengakibatkan mangsa hilang sumber pendapatan akibat kecederaan yang dialami berikutan bencana berkenaan.



Rohasliza Mohamad Hanafi, 42, terpaksa menghentikan sementara jualan keropok lekor di pasar malam sejak beberapa tahun lalu akibat patah tangan kanan akibat terkena serpihan atap.

"Kejadian berlaku sekelip mata dan ketika saya mahu keluar rumah. Agak terkejut sebab tiba-tiba ribut seperti puting beliung datang sedangkan sebelum keluar rumah cuaca baik sahaja.

"Saya nampak bumbung rumah terbang sebelum serpihan kayu jatuh terkena tangan. Saya tidak sempat elak kerana terlalu cemas," katanya.

## Tambah hutan simpan 489 hektar

**HULU SELANGOR** - Keluasan hutan simpan kekal di Selangor bersaiz 250,739 hektar kian bertambah tahun ini melalui pewartaan dua hutan di Kuala Selangor dan Kuala Langat.

EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin berkata dua hutan tersebut adalah Taman Alam Kuala Selangor dan Hutan Simpan Tanjung Dua Belas, berkeluasan 489 hektar.

"Ini menunjukkan komitmen negeri bersama Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) untuk mencatatkan peratusan lagi tinggi bagi mengekalkan lebih banyak hutan simpan kekal di Selangor.

"Selangor merupakan satu-satunya negeri membekukan operasi pembalakan sehingga tahun 2035, jadi jumlah keluasan ini akan ditingkatkan," katanya pada 22 September.

Jamaliah menambah JPNS turut mencadangkan tambahan hutan simpan kekal yang kini dalam proses pewartaan membabitkan beberapa kawasan.

Beliau berkata langkah itu selaras komitmen Kerajaan Selangor mengekalkan sekurang-kurangnya 30 peratus tanah negeri sebagai hutan simpan kekal.

ASIA PACIFIC PROPERTY AWARDS DEVELOPMENT

In association with

American Standard

AWARD WINNER

RESIDENTIAL HIGH RISE DEVELOPMENT MALAYSIA

Aetas Damansara by MCT Berhad

2023-2024

AETAS™  
DAMANSARA

PELUANG TERAKHIR UNTUK MEMILIKI

# PROJEK ANUGERAH BERPRESTIJ

DI DAMANSARA

7%

diskaun untuk BUMIPUTERA

One Residence Sdn Bhd (1130397-A)  
A subsidiary of Avaland Berhad (887796-X)  
(Formerly known as MCT Berhad)  
www.avaland.com.my

+6011 1722 5544

W: aetasdamansara.my

Instagram: Aetas Damansara  
Facebook: Aetas Damansara  
Twitter: Avaland Gallery @ Aetas Damansara

In Compliance with



## Selangor tumpuan pelawat domestik

**SHAH ALAM** - Selangor muncul antara tiga negeri teratas bagi jumlah kemasukan pelancong domestik tertinggi di Malaysia dengan 6.4 juta pelancong ke negeri ini tahun lalu.

EXCO Pelancongan Ng Suee Lim berkata, Selangor merekodkan 2.9 juta pelancong domestik sehingga suku kedua tahun ini atau setakat Jun.

"Selangor menyumbang peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terbanyak bagi 2022 iaitu RM40.9 bilion dengan 26.5 peratus adalah dari sektor perkhidmatan melibatkan industri pelancongan.

"Susulan kejayaan ini dan rekod perkembangan positif, saya akan terus komited untuk melakar lagi sejarah baharu dalam industri pelancongan negeri," katanya pada 22 September.

Suee Lim berkata pihaknya menyasar kehadiran lima juta pelancong luar negara ke Selangor menjelang Disember.

## Tawar pakej bermalam 2025

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri bakal memperhebat promosi eko dan agropelancongan di anjung utara dan selatan negeri seiring Tahun Melawat Selangor 2025.

EXCO Pelancongan Ng Suee Lim berkata langkah itu termasuk mewujudkan pakej penginapan tiga hari dua malam ke kawasan berkenaan disertai pelbagai aktiviti.

"Tahun depan kita akan tumpu kepada segmen eko dan agropelancongan di anjung utara Selangor kerana di sini terdapat Rancangan Selangor Pertama (RS-1) meliputi projek Pembangunan Kawasan Sabak Bernam (SABDA).

"Turut diberi tumpuan kepada anjung selatan negeri ini iaitu di mana terletaknya lapangan terbang sebagai pintu masuk utama negara kemudian disusuli dengan kawasan tengah seperti di Hulu Selangor," katanya pada 23 September.

## Modal perluas niaga hingga RM50,000

**SHAH ALAM** - Usahawan yang memerlukan modal sehingga RM50,000 untuk mengembangkan perniagaan dipelawa memohon skim pembiayaan i-Bisnes yang ditawarkan Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah).

"Skim ini membantu usahawan mendapatkan modal perniagaan mengikut kelayakan dan dokumen permohonan yang mudah, cepat serta tidak membebankan," menurut kenyataan pada 19 September.

Pembiayaan skim tersebut terbuka kepada usahawan mikro, kecil dan sederhana dalam semua sektor perniagaan. Layari [www.hijrahselangor.com](http://www.hijrahselangor.com) untuk maklumat lanjut.

Pemohonan dalam talian boleh dibuat menerusi pautan [mikrokredit.selangor.gov.my/](http://mikrokredit.selangor.gov.my/)

# Sasar lapan juta pelancong pada 2025

**SHAH ALAM** - Seramai lapan juta pelancong tempatan dan luar negara disasar melawat ke negeri ini sempena Tahun Melawat Selangor 2025.

EXCO pelancongan berkata promosi 'Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu!' bagi segmen domestik dan 'Splendid Selangor, Take Me Anywhere!' pada peringkat global giat dilaksanakan dengan kerjasama Tourism Selangor.

"Dua kempen ini dilancarkan sejak tahun 2020 dan telah memberi impak yang sangat positif. Kita akan mempertingkatkan promosi terutama pada

awal tahun depan bagi merealisasikan sasaran Tahun Melawat Selangor 2025.

"Pihak kami juga bercadang meletakkan iklan kempen pada semua Bas Smart Selangor termasuk menghebahkan video kempen pelancongan di skrin pengangkutan awam sekitar negeri ini," kata Ng Suee Lim pada 22 September.

Dalam program sesi bertemu media dan dialog awam kakitangan Tourism Selangor bersama EXCO Pe-



lancongan di Bangunan Darul Ehsan beliau bertekad memastikan pembangunan produk pelancongan di negeri ini sentiasa mampan, berdaya saing dan inklusif.

"Selain promosi dalam negeri kita juga bercadang untuk bekerjasama dengan Tourism Malaysia dan agensi pelancongan di negeri lain termasuk mengadakan beberapa program promosi di negara Asean," katanya.

## Manfaat lebih lima juta rakyat

# Teruskan jualan murah tahun depan

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

**SHAH ALAM** - Program jualan murah barangan dapur diteruskan tahun depan dengan penjenamaan baharu berikutan sambutan menggalakkan orang ramai, kata EXCO Pertanian Ir Izham Hashim.

Beliau menambah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor mulanya mahu menghentikan program pada pertengahan tahun ini tetapi meneliti semula keputusan itu sebelum meneruskan jualan itu.

"Kita akan teruskan pada masa akan datang dalam format berbeza tetapi tetap kepedulian dan keprihatinan akan

dilaksanakan sesuai dengan jenamanya bernama Ehsan dan Rahmah.

"Sejak bergabung dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, program ini bertambah baik dan saya yakin kerjasama lebih banyak lagi untuk bantu rakyat," katanya.

Beliau berucap dalam majlis penghargaan Jualan Ehsan Rahmah dan pelancaran logo baharu PKPS pada 21 September.

Ir Izham berkata Kerajaan Selangor membelanjakan RM40 juta dalam bentuk subsidi untuk menjayakan program berkenaan meliputi 2,850 lokasi yang memanfaatkan lebih lima juta penduduk negeri.

Jualan tersebut lanjutan Program

Agro Prihatin Selangor yang diperkenalkan pada 2 Jun 2021 menerusi Pakej Kita Selangor 2.0 bagi mengatasi lambakan hasil tani akibat pandemik Covid-19.

Program berkenaan kemudian dijenama sebagai Jualan Prihatin Rakyat pada 28 Februari 2022 hingga Julai 2022. Pada 30 Ogos 2022, ia dikenali sebagai Jelajah Ehsan Rakyat (JER).

Namanya sekali lagi ditukar kepada Jualan Ehsan Rahmah berikutan jalinan kerjasama Kerajaan Selangor dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

PKPS turut menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) menerusi jualan ayam dan telur bersubsidi terbesar dalam tempoh dua hari sempena Aidilfitri.

## Pengunjung puas hati mutu barang

**KUALA LANGAT** - Mutu barangan terjamin walaupun harganya lebih murah berbanding pasaran mendorong pengunjung gemar membeli barangan asas dalam program Jualan Ehsan Rahmah (JER).

Suri rumah, Suria Alias, 47, berkata kualiti beras dan telur dalam program jualan murah itu memuaskan hati, bahkan setanding atau lebih baik berbanding produk di pasar raya.

"Macam beras saya rasa lagi cantik beras ini (berbanding di pasar raya pada harga lebih mahal). Walaupun murah tetapi berasnya cantik dan telur pun saiz besar.

"Lebih lima kali saya datang sini, benar-benar jimatkan belanja dapur," katanya ketika ditemui dalam program peringkat Dewan Undangan Negeri Dengkil pada 18 September.

Pekerja swasta Norazizyan Sudin, 47, pula berharap program ini tidak dihenti kerana jualan murah tersebut meringankan beban perbelanjaan seisi keluarga.

"Ia mungkin boleh ditambah lagi kawasan dan diteruskan kerana sangat membantu rakyat dan boleh berjimat banyak," katanya.

JER menawarkan ayam RM10 sekor, daging pejal segar (RM10 per pek)

dan telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM10).


Setakat ini, program itu sudah dianjurkan di lebih 2,000 lokasi seluruh negeri dan dianggarkan ia memberi manfaat kepada 4.5 juta penduduk.

PKPS pernah menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) menerusi jualan ayam dan telur bersubsidi terbesar dalam tempoh dua hari sempena Aidilfitri.

Lokasi terkini JER seluruh negeri boleh disemak di Facebook PKPS atau mengimbas kod QR di poster jualan atau pautan [linktr.ee/myPKPS](http://linktr.ee/myPKPS)







## Keunggulan Hadis 40

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

**K**itab Hadis 40 Imam Nawawi, al-Arba'in al-Nawawiyah, karya ulama besar bidang hadis dan pakar ulung fikah mazhab Syafie yang diakui hebat: tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Istimewa dan relevan hingga kini, himpunan 42 hadis ini menjadi rujukan umat Islam di seluruh dunia kerana membahaskan perkara usul dan prinsip dalam Islam. Himpunan ini mencakupi kehidupan umat Islam dari sudut akhlak, akidah, hukum dan amal soleh.

Hadisnya sahih, asas kepada kaedah syariat yang penting, seperti yang ditegaskan dalam pengantar kitab itu.

Ulama hadis seperti Ibn al-Mubarak, al-Tusi, al-Daraqutni, al-Hakim, Abu Nu'aim dan al-Zahabi yang turut menyusun 40 hadis, tetapi dengan tema berbeza, gagal menandingi populariti kitab Imam Nawawi ini.

Karya beliau sangat popular sehingga diterjemah, dihafal dan dipelajari dalam pelbagai bahasa di universiti, masjid, pondok dan pesantren di seluruh dunia.

Puluhan ulama mensyarahkan kitab ini antaranya Syarh al-Arba'in oleh Ibn Daqiq al-'Eid, Jami' al-'Ulum wa al-Hikam (Imam Ibn Rajab al-Hanbali), Syarah al-Arba'in an-Nawawiyah (Abdul Karim al-Khudair), Syarah al-Arba'in an-Nawawiyah (Abdul Muhsin al-'Abbad) dan al-Wafi Syarh al-Arbain an-Nawawi (Mustafa al-Bugha).

Tepat dengan kehebatan kitab itu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mencadangkan pengajaran hadis 40 Imam Nawawi di hujung Festival Turath Islami Selangor di Shah Alam pada 25 Mei.

Susulan itu, Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek melancarkan modul penghayatan hadis itu pada 19 Ogos. Ia akan dilaksanakan di lebih 60 sekolah menengah kebangsaan agama dan 228 sekolah agama bantuan kerajaan di seluruh negara.

Sempena sambutan Maulidur Rasul pada 28 September ini, Selangorkini menerbitkan ringkasan 42 hadis daripada himpunan Imam Nawawi.

### Hadis 1

Berkaitan prinsip utama Islam iaitu setiap amalan bergantung pada niat. Individu yang beramal dengan niat ikhlas kepada Allah akan dibalas berdasar apa yang diniatkannya.

### Hadis 2

Membicarakan maksud Islam, iman dan ihsan dan tanda kiamat. Disampaikan melalui Jibril, yang menyerupai manusia, malaikat itu duduk menyandarkan lututnya di atas lutut Nabi Muhammad lalu mengajar baginda mengenai perkara itu.

### Hadis 3

Membahas tentang bagaimana Islam terbina


di atas lima rukun iaitu mengucap dua kalimah syahadah, solat, puasa, zakat dan menunaikan haji di Baitullah jika berkemampuan.

### Hadis 4

Menceritakan tentang peringkat kejadian manusia dan penentuan rezeki, ajal, qada' dan qadar selepas roh ditiupkan ke janin. Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

### Hadis 5

Menggalakkan umat Islam menjauhi amalan bid'ah, mereka-reka amalan baharu dalam urusan agama tanpa rujukan sumber sahih. Amalan yang tidak bersandarkan hujah syariat, maka ia akan tertolak.



### Hadis 6

Islam menitik berat soal halal dan haram. Syariat menyeru umatnya meninggalkan perkara syubhah (tidak pasti) kerana dibimbangi terjatuh kepada perkara haram. Hadis ini menasihatkan umat Islam agar menjaga hati (qalb).

### Hadis 7

Menjelaskan Islam sebagai agama nasihat yang mengandungi ketaatan kepada Allah, Rasul-Nya, beriman serta beramal dengan kitab dan sunnah Rasul-Nya. Selain itu, tanggungjawab menasihati pemimpin dan membantu pemerintah dalam perkara yang wajib dibantu. Nasihat bagi kaum muslimin pula dengan menyeru kepada Allah, melaksanakan amar ma'ruf nahi mungkar.

### Hadis 8

Menyatakan keizinan memerangi golongan musyrikin Makkah yang memusuhi Islam dan

orang yang memerangi umat Islam. Hadis ini juga bermaksud larangan memerangi atau menyakiti bukan Islam secara sembrono.

### Hadis 9

Larangan umat Islam melakukan perkara haram dan galakan supaya melaksanakan arahan nabi dengan sedaya-upaya. Umat terdahulu dibinasakan kerana terlalu banyak menyoal dan perselisihan dengan nabi mereka.

### Hadis 10

Syariat Islam menganjurkan umatnya makan dan minum daripada sumber halal kerana ia prasyarat doa diterima oleh Allah.

### Hadis 11

Rasulullah menyeru umatnya meninggalkan perkara meragukan, sebaliknya berpegang pada sesuatu yang yakin.

### Hadis 12

Menyeru seseorang agar meninggalkan perkara yang tiada kaitan dengan keperluannya atau perbuatan sia-sia, sama ada urusan dunia atau akhirat.

### Hadis 13

Teks hadis ini menyeru kepada individu agar mencintai saudaranya seperti mana dia mencintai diri sendiri kerana ia sebagai tanda kesempurnaan iman.

### Hadis 14

Memberi amaran mengenai haram menumpahkan darah seseorang kecuali tiga jenis pesalah syariah iaitu janda atau duda yang berzina, pembunuh dan individu murtad.

### Hadis 15

Menyeru seseorang agar bercakap perkara yang baik atau diam serta memuliakan jiran dan tetamu.

### Hadis 16

Diriwayatkan Imam al-Bukhari, hadis ini membuat seruan kepada umat Islam agar menahan diri daripada sikap suka marah atau baran.

### Hadis 17

Membicarakan tentang galakan bersikap ihsan kepada semua makhluk termasuk haiwan korban dengan menajamkan mata pisau.

### Hadis 18

Mengenai galakan agar bertakwa pada Allah dalam apa jua keadaan, termasuk ketika bersendirian, dan menunjukkan akhlak yang baik sesama manusia.

### Hadis 19

Pesanan Rasulullah kepada sahabat Abdullah Abbas agar memperkukuh iman pada dengan mematuhi dan berserah diri sepenuhnya kepada Allah. ▶

# Bercinta dengan ilmu

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

**I**mam Nawawi, atau nama sebenarnya Yahya bin Sharaf al-Nawawi, lahir di Nawa, di barat laut Damsyik, Syria pada bulan Muharram 631 Hijrah (1233 Masihi). Gelar al-Nawawi sempena daerah kelahirannya itu, tidak jauh dari sempadan Jordan dan Palestin.

Sarjana ulung mazhab fikah Syafie dan aliran akidah Asya'irah adalah anak kepada seorang peniaga yang mendekati al-Quran sejak tujuh tahun dan tidak berminat bermain dengan kanak-kanak sebaya dengannya. Beliau khatam kitab suci sejak sebelum baligh dan melazimi ulama pada zamannya.

Ketika berusia 19 tahun, Imam Nawawi kemudian menghafal kitab Fiqh al-Tanbih, karangan Abu Ishaq al-Shirazi (1003-1083) di Madrasah al-Rahawiyah, Damsyik dalam tempoh empat bulan setengah dan satu perempat al-Muhazzab pada baki tahun tersebut.

Beliau asyik dengan ilmu, sentiasa menelaah dan menulis. Setiap hari beliau mempelajari 12 subjek pelbagai ilmu kitab-kitab muktabar karangan Imam al-Ghazali (fikah), al-Bukhari dan Muslim (hadis) serta al-Shirazi (usul fiqh).

Imam Nawawi menjadi pakar rujuk fikah

Syafie (767-820), selain mempelajari mazhab akidah Abu Hasan Asy'ari (873-936). Selain al-Shirazi, tokoh lain yang mempengaruhinya termasuklah Imam al-Ghazali (1058-1111) dan Ibn Asakir (1106- 1176).

Beliau bertalaqi dengan ulama muktabar mazhab Syafie, justeru tidak hairan pengaruh mereka telah membentuk keilmuan dan ketokohnya sehingga ke hari ini.

Guru-gurunya termasuklah Ishaq bin Ahmad al-Maqdisi, Abu Hasan Sallar al-Dimashqi, Abu

Muhammad Abd al-Rahman al-Dimashqi dan Jamaluddin Abdul Kafi al-Dimashqi.

Karya Imam Nawawi lebih popular dalam bidang fikah, antaranya Minhaj al-Talibin wa 'Umdat al-Muftin, Rawdah al-Talibin wa 'Umdat

al-Muftin dan al-Majmu'. Kitab utamanya dalam bidang hadis termasuklah al-Arba'in al-Nawawiyah (Hadis 40), kitab al-Minhaj dan Riyadus Salihin Min Kalam Sayyid al-Mursalin.

Ulama ulung Syria ini melahirkan ramai murid berkaliber, antaranya, Alauddin Ibn al-Attar Abu Abbas Ahmad Ibrahim, Abu Abbas Ahmad al-Ishbili, Ismail Uthman al-Hanafi, Abu Abdillah Muhammad al-Hanbali.

Hayat beliau tidak panjang, meninggal dunia pada usia 45 tahun, pada 1277. Sibuk

menyumbang ilmu dalam 16 tahun, Imam Nawawi tidak berkahwin. Selain ilmu, ulama ini juga tegas menegur pemimpin kerajaan yang dianggap silap.

Makamnya (foto) di kampung halamannya dimusnahkan pegganas ketika perang di Syria pada Januari 2015.



Foto: Ihsan Imam Ghazali Institute

## ► Hadis 20

Menjelaskan bahawa malu pada Allah sebahagian daripada iman. Terjemahannya, "jika anda tidak ada rasa malu, buatlah apa sahaja."

## Hadis 21

Membicarakan mengenai anjuran Islam agar beriman pada Allah dan tekal (istiqamah) atas jalan yang diperintahkan oleh-Nya.

## Hadis 22

Berkaitan kewajipan menunaikan perintah dan meninggalkan larangan sebagai asas masuk ke syurga.

## Hadis 23

Menyatakan tentang kelebihan amalan soleh seperti bersuci, zikir (bertasbih, bertahmid serta bertakbir), mengerjakan solat dan bersedekah.

## Hadis 24

Hadis panjang yang diriwayatkan oleh sahabat Abu Dzar al-Ghifari mengenai keluasan kurniaan Allah kepada hamba-Nya.

## Hadis 25

Mengenai galakan Rasulullah supaya sekumpulan sahabatnya berlumba-lumba dan bersegera melakukan kebaikan termasuk bertasbih, bertahmid dan bertakbir yang dianggap sedekah.

## Hadis 26

Mengenai setiap amalan yang dilakukan anggota badan disifatkan sebagai bersedekah, bermula terbit matahari.

## Hadis 27

Mengenai Rasulullah menjawab pertanyaan sahabat tentang perkara baik dan dosa.

Baginda berkata kebaikan menenangkan jiwa tetapi dosa meresahkannya.

## Hadis 28

Mengenai pesanan junjungan besar kepada umatnya agar bertaqwa dan mentaati pemimpin serta mengikut sunnah dan menjauhi bid'ah.

## Hadis 29

Menjelaskan amalan yang memasukkan umat ke syurga dan dihindari neraka dengan melaksanakan rukun Islam, bersedekah, solat malam, berjihad serta menjaga percakapan.

## Hadis 30

Berkaitan larangan mengabaikan syariat Allah yang difardukan dan haram melanggar batasan.

## Hadis 31

Pesanan Rasulullah kepada seorang sahabat agar mengamalkan sikap zuhud yang mengundang cinta Allah dan manusia kepada seseorang.

## Hadis 32

Mengenai larangan membawa mudarat dan sengaja membalas dengan kemudaratan.

## Hadis 33

Berkaitan asas penghakiman Islam dengan membawa cukup bukti dan sumpah bagi memelihara harta dan nyawa.

## Hadis 34

Rasulullah mengingatkan tentang kewajipan cegah kemungkaran melalui tiga tahap kekuatan iman: tangan (kuasa), lisan (teguran) dan hati (dianggap lemah-lemah iman).

## Hadis 35

Melarang umat Islam berdengki, menipu, membenci dan bermusuhan. Sebaliknya menghormati persaudaraan dan hak sesama muslim.

## Hadis 36

Seruan dalam hadis ini mengenai anjuran menghilangkan kesulitan seseorang mukmin, kelebihan menuntut ilmu dan menjaga keaiban seseorang.

## Hadis 37

Layanan dan kemuliaan Allah menggandakan setiap amalan hambanya sehingga 700 kali ganda.

## Hadis 38

Kemuliaan para wali Allah dan kelebihan mereka.

## Hadis 39

Tiga perkara yang diberi kemaafan kepada umat Nabi Muhammad iaitu tersilap, terlupa dan terpaksa (dipaksakan oleh pihak lain).

## Hadis 40

Rasulullah menasihati umat Islam agar memanfaatkan peluang semasa hidup tanpa tabiat menanggung-nanggungkan amalan kebaikan.

## Hadis 41

Mengenai saranan Rasulullah agar melawan kehendak hawa nafsu dengan mengikut petunjuk dan sunnah baginda.

## Hadis 42

Imam Nawawi mengakhiri susunan hadis dengan mengkhabarkan pintu keampunan Allah sangat luas, maka Dia pasti akan mengampunkannya.



**P**emerintahan Saidina Umar al-Khattab dianggap zaman kegemilangan Khulafa ar-Rasyidin. Digelar al-Faruq, beliau sahabat Rasulullah SAW yang bijaksana dan tegas. Zamannya menyaksikan banyak pembaharuan termasuk memperkenalkan kalendar Hijrah.

Kisah menarik termasuk sisi peribadi sahabat Nabi SAW itu dirakam cendekiawan Mesir Abbas Mahmud al-'Aqqad dalam karya 'Umar al-Khattab: Kebijaksanaan Sebagai Pedang. Teks asalnya berjudul 'Abqariah Umar.

Sempena Maulidur Rasul, wartawan **Nadiah Zamlus** berkongsi pengalaman **Marwan Bukhari A Hamid** menterjemah buku itu menerusi temu bual pada 22 September. Terjemahan diterbit Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) dengan kerjasama Media Selangor Sdn Bhd.

### Mengapa pilih tulisan 'Abbas Mahmud al-'Aqqad?

Saya meninjau beberapa karangan yang menulis tentang Saidina Umar. Akhirnya saya memilih buku al-'Aqqad kerana dua alasan utama.

Pertama, al-'Aqqad ialah salah seorang ilmuwan dan sasterawan terkemuka abad ke-20 yang mengarang tentang sirah Nabi Muhammad SAW dan sahabat utama Baginda termasuklah Saidina Umar al-Khattab. Kedudukan al-'Aqqad sebagai ilmuwan besar menarik saya untuk membaca karangannya ini.

Kedua, saya melihat buku ini mengandungi isi yang berbeza dengan sesetengah buku bergenre riwayat hidup yang lain. Al-'Aqqad tidak sekadar menukil atau bercerita, tapi beliau menekankan analisis termasuk dalam babak-babak kecil.

Kita akan menikmati kedalaman pemikiran, ketinggian sastera Arab, keanekaan perspektif, ketajaman analisis dan perbandingan konteks klasik dan moden. Pembacaan dan rujukan beliau sangat meluas merangkumi Timur dan Barat sama ada beliau nukilkan atau tidak, tapi pembaca yang teliti akan perasan tentang hal ini.

### Bagaimana proses menterjemah buku ini?

Asalnya saya ditanya oleh rakan di IBDE tentang cadangan buku tentang Saidina Umar yang sesuai untuk diterbitkan oleh mereka. Setelah mencadang, akhirnya IBDE meminta saya menterjemahnya.

Meski awalnya agak keberatan kerana beberapa komitmen ketika itu, tapi akhirnya saya menerima. Saya memulakan penterjemahannya pada Ramadan 2022. Tapi tidak banyak sebenarnya yang mampu buat ketika itu. Saya fokus kembali selepas Aidilfitri iaitu hujung Mei 2022 hingga akhirnya siap pada 20 September tahun sama.

### Apa cabaran menterjemah karya ini?

Ini kali kedua saya menterjemah karya sasterawan Arab, apatah lagi tokoh seperti al-'Aqqad. Saya mula menceburi dunia terjemahan sejak 2013, tetapi selama ini kebanyakan terjemahan saya adalah dalam bidang perundangan Islam.

Seorang lagi sasterawan Mesir yang saya pernah terjemah ialah al-Kawakibi, pemikir

# Tegas dalam kasih 'Umar

besar abad ke-19. Bahasa al-'Aqqad tinggi dan penulisannya agak rumit. Intelektual dari Indonesia, Ulil Abshar 'Abdalla juga sebut hal sama ketika kami berbual tentang al-'Aqqad April yang lalu. Sebab itu saya mengambil masa yang agak lama sebelum mendapat rentak dalam menterjemahkan buku ini.

### Apa ilmu baharu diperoleh sepanjang menterjemah?

Banyak, antaranya cara memahami sejarah dengan meletakkan diri kita berada dalam sejarah itu, bukannya memahami sejarah dengan kaca mata kita yang sedang hidup di dunia moden. Al-'Aqqad banyak menekankan soal ini. Antara juga mempelajari banyak perkataan baharu digunakan al-'Aqqad. Sememangnya setiap kali terjemah kita akan belajar kosa kata baharu.

### Berapa lama proses terjemahan?

Sekitar lima atau enam bulan sebab sebulan Ramadan saya hanya buat sedikit sebagaimana disebut tadi. Tapi selepas itu ada proses suntingan dan baiki struktur ayat yang ambil masa beberapa bulan juga.

### Boleh kongsi pengajaran dalam karya ini untuk iktibar?

Apabila disebut nama Saidina Umar, orang kita selalu membayangkan watak tegasnya, malah ada yang menyebut susuk Melayu tertentu sebagai 'laksana Saidina Umar' semata-mata kerana sifat tegas, malah juga 'gangster'. Sebenarnya itu tidak tepat. Ya, Umar berwatak tegas tapi beliau cukup penyayang.

Bak kata al-'Aqqad, beliau menyembunyikan sifat pengasihnya dengan perisai ketegasan. Selain itu, Umar cukup terkenal sebagai tokoh bijaksana. Sebelum menterjemah buku ini, saya sudah membaca beberapa buku tentang kecerdasan dan kehebatan ijtihad Umar.

Al-'Aqqad juga menekankan aspek ini dalam bukunya itu. Umar berani mendatangkan pandangan baharu dan kreatif dalam berijtihad. Beliau memahami arahan al-Quran dan sunnah bukan sekadar secara literal, tapi mementingkan objektif dan hikmah daripada arahan tersebut. Satu lagi, beliau terkenal dengan keadilannya termasuk kepada anakandanya sendiri. Banyak contoh terdapat dalam buku ini. Jadi, tidak betul kalau Umar hanya dikaitkan dengan sifat 'keras'.

### Ada bab yang beri kesan emosi?

Babak yang paling beri kesan emosi ialah saat Umar mendapat berita tentang kewafatan Rasulullah SAW. Para sahabat ketika itu sukar sekali untuk menerima kenyataan bahawa Rasulullah SAW yang mereka cintai dan sanjungi telah wafat. Umar juga cuba menepis kenyataan ini sehinggakan beliau mengancam untuk mengenakan tindakan kepada sesiapa yang menyangka baginda telah wafat. Kalau kita mahu menghayati babak itu, kita perlu membayangkan diri kita berada di tempat Saidina Umar.

Bayangkan Umar berubah di tangan baginda Rasulullah SAW, Umar perjuangkan baginda saat-saat sukar dan senang, Umar menjadi insan yang sering kehadapan untuk mempertahankan baginda, Rasulullah SAW telah mengubah dan mendidik Umar sejak sekian lama, tapi akhirnya baginda wafat. Berita itu sungguh berat kepada Umar dan para sahabat yang lain.

### Bahagian mana paling menarik mengenai Umar?

Saya paling suka bab Umar dan Pemerintahan Moden. Mungkin kerana saya memang memberi perhatian tentang pemikiran politik Islam sejak sekian lama. Al-'Aqqad mengulas kebijaksanaan politik Umar dan pengajarannya untuk pemerintahan moden.


Menurut al-'Aqqad, kita akan janggal

dengan perkara yang kita tidak terbiasa kerana kita hidup dalam 'kotak zaman moden', lantas sebahagian amalan pemerintahan yang baik pada zaman silam gagal difahami oleh kita. Contohnya sebahagian tindakan Umar yang dibuat tanpa ada birokrasi dan prosedur seperti zaman moden seperti hukuman setimpal terhadap sebahagian gabenor yang bermasalah.

Hukuman itu terus diberi olehnya demi menegakkan keadilan dan amanah, sedangkan hari ini tidak boleh berbuat demikian melainkan dengan keizinan kerajaan setelah melalui banyak prosedur dan birokrasi.

### Mengapa setiap rumah perlu ada buku ini?

Ia buku tentang salah seorang sahabat besar Nabi Muhammad SAW. Buku tentang tokoh bijaksana dan adil yang selayaknya kita baca dan diskusikan agar pengajarannya boleh diteladani dan dikongsikan kepada orang yang berada di lingkungan kita.





Pengisahan bagai novel

# Pupuk cintai Rasulullah

Sebagai biografi Rasulullah SAW paling terkenal di dunia, penterjemahan buku Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources memerlukan ketekunan jitu.

Sedaya upaya mengekal gaya penyampaian dan lengkok bahasa penulis asal Martin Lings atau Abu Bakar Sirajuddin, usaha Kerajaan Negeri mahu pembaca menjiwai perjuangan baginda menjadi cabaran dua penterjemah ini.

Sempena sambutan Maulidur Rasul pada 28 September, Selangorkini menerbitkan semula temu bual wartawan FARIDZWAN ABDUL GHAFAR dan NAZLI IBRAHIM dengan Ketua Pengarang Inisiatif Darul Ehsan (IBDE) Al-Mustaqeem Mahmud Radhi dan Pengarah Eksekutif Farhan Affandi pada 8 Oktober 2021. Foto HAFIZ OTHMAN.



**Bagaimana proses awal menterjemah buku ini?**

**Mustaqeem:**

Awalnya Farhan memujuk saya agak lama untuk terlibat dalam penterjemahan buku ini. Sebenarnya saya sudah lama berniat menterjemahkan buku ini tetapi belum bersedia kerana bahasa Inggeris Martin Lings memang tinggi dan paling utama buku ini melibatkan cerita tentang Nabi Muhammad SAW sendiri. Jadi saya rasa ini tanggungjawab berat.

Rupanya, Martin Lings sendiri, semasa hendak menulis merasakan dia bukan orang yang layak untuk menulis tentang baginda tetapi rasa seperti ada panggilan untuk menulis. Dia sendiri fikir, siapalah Martin Lings ini untuk menulis tentang Rasulullah SAW.

Buku ini mungkin sirah nabi paling laku di dunia. Diterjemahkan dalam berpuluh-puluh bahasa dan setiap terjemahan pula tersebar luas.

Begitu juga di Malaysia buku ini laris. Indonesia pula menterjemahkannya lebih awal. Apabila kami mula buat, itulah rasa beratnya tanggungjawab. Selepas itu, barulah masalah teknikal lain.

Sebelum kita mula, kita sedar ada cabaran teknikal sebab pengarang asal buku ini menggunakan dua gaya bahasa. Kalau dalam cerita, dia gunakan bahasa Inggeris yang agak moden. Kalau petikan hadis dan al-Quran, guna bahasa Inggeris 'Shakespearean' yang lebih klasik dan tinggi.

**Farhan:**

Sebenarnya beberapa kali juga saya pujuk Mustaqeem untuk terjemah buku ini kerana kalau ingin buat terjemahan selepas ini tanpa sokongan Kerajaan Selangor memang kita tidak mampu.

Bila Mustaqeem setuju, dia mahu buat penterjemahan seorang pula. Saya mahu juga menterjemah tokoh paling penting dalam hidup kita tetapi saya tahu saya akan menyusahkan

# Riwayat nabi sentuh emosi

Buku Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources masyhur sejak pertama kali diterbitkan pada 1983.

Dianggap biografi terbaik Rasulullah SAW, buku yang banyak diterjemah ke pelbagai bahasa antaranya Perancis, Itali, Sepanyol, Turki dan Belanda menampilkan gaya penulisan mudah tetapi disulami bahasa indah.

Karya Martin Lings atau nama Islamnya Abu Bakar Sirajuddin itu turut meraih pengiktirafan peringkat antarabangsa antaranya anugerah Persidangan Sirah Kebangsaan Pakistan dan anugerah daripada Presiden Mesir Hosni Mubarak.

Martin Lings menulis berdasarkan sumber tulisan awal daripada empat ilmuwan Islam iaitu Ibnu Ishaq, Ibnu Hisham, Ibnu Sa'ad dan al-Waqidi. Sumber itu, sebahagiannya berusia sehingga 1,200 tahun, dikutip hasil catatan empat ilmuwan tersebut sama ada sumber lisan dan catatan kecil sahabat Nabi Muhammad SAW.

Martin Lings juga menulis 18 buku sepanjang hayat beliau antaranya The Book of Certainty: The Sufi Doctrine of Faith, Wisdom and Gnosis, The Quranic Art of Calligraphy and Illumination dan What is Sufism? Namun, beliau sendiri menyifatkan penulisan biografi Rasulullah SAW sebagai kemuncak kariernya selaku penulis.

Sekalipun segelintir ulama berfahaman Salafi cuba mempertikai tulisan itu, buku berkenaan terus menerima sambutan umat Islam. Bahkan, buku itu mendapat perhatian ulama dari Universiti al-Azhar.

Terjemahan buku dengan judul Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal dijayakan Ketua Pengarang Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) Al-Mustaqeem Mahmud Radhi dan Pengarah Eksekutif IBDE Farhan Affandi. Mereka mula menterjemah pada 2018 sebelum siap dua tahun kemudian.


Buku asal mengandungi 362 muka surat manakala terjemahan bahasa Melayu setebal 496 halaman meliputi 85 bab. Dicitak kulit keras, rekaannya berkonsep minimalis, sesuai cita rasa peminat buku masa kini.

Lebih 9,000 naskhah terjual setakat ini melalui dua cetakan sejak berada dalam pasaran pada tahun lepas.

dia kerana buku ini susah. Kedua, gaya bahasa dan istilah akan berbeza walaupun kami ada berbincang tetapi boleh 'hilang' bila kita menterjemah berasingan.

Akhirnya, inilah sebab prosesnya menjadi panjang sebab kita banyak kena semak balik daripada awal untuk selaraskan bahasa.

Pengalaman lain selepas menterjemah



**Setiap bait yang memperihal Rasulullah SAW membawa penghayatan pembaca terhadap susur perjuangan baginda termasuk kepentingan seruan menyembah Yang Esa sama seperti nabi dan rasul terdahulu**

IBDE kini dalam perancangan untuk menghasilkan cetakan ketiga berikutan permintaan berterusan pelbagai lapisan umat Islam di negara ini.

IBDE menerusi projek Siri Pencerahan Selangor sejak empat tahun lalu giat menterjemah pelbagai buku antaranya tulisan Imam al-Ghazali berjudul Perihal Kesederhanaan Dalam Beriktikad, Ciri Pemisah Antara Islam dan Zindik dan Penyelamat Daripada Kesesatan. Buku berkaitan tokoh tersohor dunia juga diterjemah.

buku ini, saya ada perasaan kurang minat menterjemah buku lain kerana bagi saya menterjemah buku ini kemuncak dalam karier saya sebagai penterjemah.

Bagi saya, ini penghormatan untuk diri saya. Saya rasa puas apabila terjemah buku ini. Kalau sudah tidak lagi terjemah buku atau terlibat dalam dunia penerbitan lagi pun saya puas.

Pemerhatian mendapati rata-rata pembaca berminat dengan biografi baginda itu yang ditulis bersahaja, romantik hingga membuaikan emosi pembaca dalam penghayati perjuangan Rasulullah SAW dalam mentauhidkan Allah SWT.

Buku tersebut turut menggamit perhatian penyanyi hip hop Altimet yang menyifatkannya pengisahan riwayat baginda membawa pembaca seolah-olah berada pada zaman tersebut.

"Belajar di sekolah mungkin agak kering tetapi cara penceritaan melalui terjemahan seolah-olah kita nampak individu atau watak seseorang serta keadaan persekitaran termasuk cara berinteraksi," katanya.

Bahagian awal buku itu menelusuri zaman pra-Islam. Kisah jerit perih membina Kaabah oleh Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS turut diungkap diikuti kronologi penguasa Makkah sehingga kelahiran Rasulullah SAW.

Kejahilan penguasa Makkah dan masyarakat Arab pada zaman pra-Islam yang mencemarkan Kaabah

dengan membawa berhalal dari segenap pelusuk Arab turut dipapar.

Seterusnya, pembaca dibawa mendalami detik-detik awal keluarga Nabi Muhammad SAW iaitu Bani Hashim seterusnya kelahiran dan perjalanan kehidupannya awal baginda.

Ini termasuk zaman kanak-kanak, remaja hingga dewasa dan berkahwin dengan Khadijah binti Khuwailid. Setiap fasa hidup Rasulullah SAW disampaikan dengan begitu teliti bersama renech emosi.

Setiap bait yang memperihal baginda Rasulullah SAW membawa penghayatan pembaca terhadap susur perjuangan baginda termasuk kepentingan seruan menyembah Yang Esa sama seperti nabi dan rasul terdahulu.

Selain kelebihan gaya penyampaiannya yang hidup, buku ini disertakan pelbagai nota kaki, salasilah marga (bani) secara terperinci selain beberapa fakta baharu.

Selain sisi peribadi baginda seperti hubungannya dengan isteri-isteri, anak-anak dan sahabat, biografi ini turut menyentuh aspek sosial, ekonomi, dan politik pada zaman awal Islam.

**Berapa lama proses penterjemahan dan bagaimana sambutan pembaca?**

**Farhan:**

Penterjemahan bermula hujung 2018 dan selesai pada 2020. Setahun lebih untuk disiapkan. Masuk pasaran awal 2021 dan buku habis dijual dalam masa sebulan setengah. Cetakan kedua siap pun hampir habis dalam tiga bulan.

Itu pun momentum jualan terganggu sedikit kerana kami hentikan jualan buku sebab ada kerosakan. Jadi kami cetak semula untuk jilid kedua. Sekarang hampir masuk cetakan ketiga.

Sepanjang dua puluh tahun kami terbabat dalam dunia penerbitan dan terjemahan buku, belum pernah ada buku yang laris secepat dan sebanyak ini.



**Apakah cabaran sepanjang penterjemahan buku ini?**

**Mustaqeem:**

Banyak. Contohnya kata ganti nama. Sampaikan saya telefon Faisal Tehrani untuk dapatkan kata ganti nama yang sesuai. Kalau bahasa Arab senang, guna 'ana'. Begitu juga bahasa Inggeris, gunakan 'I' tetapi bahasa Melayu ada 'saya', 'aku', 'daku', bergantung kepada keadaan, emosi dan orang yang bercakap. Saya hubungi Faisal Tehrani kerana beliau banyak mengkaji teks klasik.

Kita orang Melayu, bila bercakap dengan orang pangkat lebih tinggi atau kalau marah sekalipun, kita ada ganti nama berbeza, tidaklah terus 'aku'.

Kemudian, apabila ada petikan hadis perbualan dengan sahabat (Rasulullah SAW), naskhah bahasa Inggeris beralih kepada gaya 'Shakespearean'. Kita yang terjemah tidak boleh gunakan 'saya' sebab tidak senada.

Sebab itu, kata ganti nama 'saya' ada masa menjadi 'aku', ada masa 'sahaya' dan ada masa jadi 'daku', bergantung keadaan dan siapa yang bercakap.

Begitu juga kata ganti nama sama ada 'kamu', 'kau', 'engkau' atau 'anda'. Setiap perkataan kami timbang semasak-masaknya, adakah sesuai bergantung kepada penutur.

Kami berdua lama menetap di Jordan dan Mesir. Kita memang tahu orang Arab agak kasar. Jadi, tidak susah untuk membayangkan mereka menggunakan perkataan 'aku' dengan kawan-kawan.

Namun, apabila dengan nabi, mereka jadi macam makhluk lain, bukan Arab. Mereka jadi terlalu takzim. Jadi, kita tidak boleh bayangkan orang Arab gunakan 'aku' dengan nabi. Sebab itu, kami menggunakan perkataan 'daku' sebagai contoh.

Itu kalau nabi dengan sahabat. Kalau isteri dengan nabi pula macam mana? Ini sepagang kekasih. Hendak formal tidak masuk akal. Kita hendak tentukan kata ganti nama mana yang hendak digunakan. Proses ini memakan masa.

Akhirnya, apa yang kita faham daripada sirah, pandangan isteri kepada nabi sebagai rasul lebih tinggi

**Masa baca buku ini barulah dapat rasa, sampai begini beratnya ujian fitnah ditanggung. Benarlah kata pepatah, tidak kenal maka tidak cinta. Baca, kenal susuk nabi, peribadinya, selepas itu barulah cinta itu hadir**

*Farhan Affandi*

berbanding pandangan seorang isteri kepada suami. Jadi kita gunakan ganti nama yang bersesuaian.

Kita juga ada baca buku al-Amin oleh Sasterawan Negara Datuk A Samad Said untuk pinjam beberapa perkataan.

**Boleh ceritakan sumber terawal yang dimaksudkan bagi buku ini?**

**Farhan:**

Sumber terawal dalam buku ini ialah kitab perjanjian lama iaitu Injil, al-Quran, hadis dan sirah-sirah terawal seperti sirah Ibnu Ishaq, Ibnu al-Tabari, Ibnu Hisham dan al-Waqidi. Kitab-kitab sirah yang terakhir pun sudah lebih 1,200 tahun.

Martin Lings adalah penjaga manuskrip 'oriental' di Muzium Britain. Dia pakar sumber-sumber atau kitab lama. Perkara ini diakui Sheikh Hamza Yusuf, tokoh Islam yang berpengaruh di dunia Barat. Dia kagum ketepatan fakta dalam buku Martin Lings.

**Apa bezanya dengan riwayat Nabi Muhammad yang lain?**

**Mustaqeem:**

Kalau mahu rasa seolah-olah kita hidup zaman nabi, inilah bukunya sebab apabila kita baca tidak terganggu kerana perjalanan ceritanya sangat lancar. Pembaca boleh rasa dekat dengan nabi.

Semasa berbincang dengan Farhan dan rakan lain, oleh sebab latar belakang kami syariah, kami banyak baca kitab sirah yang digunakan masa mengkaji dahulu tetapi tidak pernah rasa betul-betul dekat dengan nabi. ▶



# Trilogi era awal Islam



**K**erajaan Negeri membiayai projek terjemahan karya penting dunia sejak 2016. Dijayakan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE), setakat ini lebih 70 judul berjaya diterbitkan meliputi bidang agama, politik, budaya, biografi, sejarah dan sastera.

Selain kitab-kitab utama Imam al-Ghazali, projek terjemahan ini menghasilkan karya tokoh terpenting umat Islam termasuklah sirah.

Mulai 2021, IBDE menerbitkan Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal.

Ia diterjemah daripada judul asal

► Berselawat ramai-ramai di masjid, program munajat, program selawat atau sertai mana-mana program keagamaan tetapi rasa macam sukar hendak mencapai betul-betul rasa sayang pada nabi. Boleh dikatakan kita rasa macam berlakon sayang kepada nabi pun ada.

Kita selalu cakap sayang nabi tapi kita tidak rasa. Cuma otak kita suruh sayang nabi. Berbeza apabila baca buku ini, kita dapat rasa perasaan itu.

Ada babak-babak yang rasa macam boleh nampak. Contohnya, adegan Saidina Umar masuk bilik masa nabi berseorangan, apabila baginda kalihkan badan, ternampak kesan tika pada badan baginda. Baca adegan ini seolah-olah kita ikut belakang Saidina Umar masuk bilik itu.

Peristiwa ini berlaku semasa nabi ada masalah dengan isterinya lalu mengasingkan diri daripada isteri. Masalah apa, kena baca buku ini.

Semasa belajar di Jordan, kelas saya mengkaji peristiwa nabi dan isterinya Saidatina Aishah difitnah. Berhari-hari kami berbincang dalam kelas. Namun apabila baca buku ini, barulah dapat rasa betapa beratnya fitnah ditanggung.

#### Farhan:

Kita tidak dapat hendak bandingkan semua buku sirah yang lebih kurang sama tetapi gaya penceritaan, naratif yang disusun itu membezakan antara satu buku dengan satu buku yang lain.

Buku ini macam novel. Penyampaiannya menggunakan kaedah bercerita. Kita baca seolah-olah berada di tempat itu, melihat watak disebut dengan dialog yang responsif. Bagi saya, buku ini paling menyentuh hati.

#### Boleh kongsi bab paling menyentuh perasaan?

#### Farhan:

Cabarannya, kadang-kadang tengah seronok menterjemah, apabila sampai bahagian sedih, kita tidak boleh menulis. Terpaksa berhenti untuk tenang hati. Banyak kali menangis. Memang tidak boleh teruskan dan terpaksa berhenti. Cuba rehat sekejap, barulah cuba sambung. Kalau tidak boleh juga, sambung esok.

Ramai tahu cerita nabi dan Saidatina Aisyah difitnah dan disebar golongan munafik di Madinah tetapi kita tidak pernah rasa apa

perasaan Saidatina Aisyah dan nabi sendiri ketika berdepan beban fitnah.

Serba salah Saidina Abu Bakar sebab ini anak dia, kawan baik nabi. Saidatina Aisyah sendiri berkecil hati kerana nabi seolah-olah tidak membela beliau. Masa baca buku ini barulah dapat rasa, sampai begini beratnya ujian fitnah ditanggung.

Benarlah kata pepatah, tidak kenal maka tidak cinta. Baca, kenal susuk nabi, peribadinya, selepas itu barulah cinta itu hadir. Boleh baca bab 64, bertajuk Kalung.

#### Ada bab lain yang beri kesan emosi?

#### Mustaqeem:

Dalam satu bab Perang Badar. Kita tahu kisah perang ini ada malaikat turun tetapi belum pernah betul-betul rasa gerun. Kita rasa kagum tetapi apabila baca buku ini sampai naik bulu roma sebab cara penyusunan penceritaannya.

#### Farhan:

Kalau saya secara peribadi, ada banyak bahagian yang sedih dan gembira. Bila bab menggembirakan, memang rasa seronok. Kalau bab mendebarkan, misalnya bagaimana pada pagi menjelang Perang Badar, burung hering mula bertenggek di atas batu-batu seolah-olah burung pun tahu akan berlaku pertumpahan darah sebab sudah dua pasukan duduk berdepan untuk berperang.

Bila masuk bab sedih, antara paling menyentuh perasaan, bab waktu nabi di Makkah, macam-macam baginda kena. Ada sekali, nabi dalam perjalanan balik, orang kafir baling debu hingga penuh di rambut baginda sampai anaknya menangis.

Namun, nabi cakap “tidak mengapa Allah akan jaga ayahmu.” Macam-macam orang kafir buat ke atas baginda, akhirnya baginda terpaksa bawa diri untuk perlindungan.

Waktu nabi jumpa pembesar-pembesar untuk ajak masuk Islam, baginda dihina dan mereka panggil orang lain untuk ikut hina nabi sampai baginda bawa diri masuk satu kebun dan tenang diri.

#### Apa perasaan apabila selesai menterjemah buku ini?

#### Mustaqeem:

Buku ini berkenaan junjungan besar Nabi

Muhammad SAW, manusia paling disayangi umat Islam. Jadi, apabila baca buku ini, kita nampak tujuan pengarang supaya mampu merasai perasaan sayang yang betul-betul kepada nabi, bukan sayang yang hanya dalam otak.

Pengalaman saya belajar agama berpuluh-puluh tahun tetapi bila sebut sayang nabi, hanya otak kata kena sayang nabi tetapi kita tidak rasa. Mahu rasa itu susah.

Macam mana kita sayang ibu bapa kita, sayang anak kita tetapi apabila baca buku ini, kita hendak kata sayang nabi lebih daripada itu sudah jadi lebih yakin.

#### Mengapa setiap rumah perlu ada buku ini?

#### Mustaqeem:

Sebagai seorang Islam yang mengaku sayangkan Nabi Muhammad SAW, mesti ada buku sirah nabi paling kurang setiap rumah. Tidakkah semestinya buku ini, buku sirah lain pun tidak mengapa. Seperti al-Quran dan hadis ada di setiap rumah, begitu juga buku ini.

Bagi bukan Islam pula, mereka boleh memahami kenapa orang Islam begitu sayang dengan baginda iaitu tokoh paling berpengaruh dalam sejarah dunia. Buku ini memang tidak beri perhatian kepada sebab politik atau kenapa berlakunya peperangan tetapi bila baca, kita faham sebab apa berperang atau kenapa terjadi sesuatu peristiwa.

Bagi bukan Islam, mereka boleh baca buku ini untuk faham kenapa Nabi Muhammad SAW tokoh paling berpengaruh dalam Islam, juga di dunia ini.

#### Farhan:

Buku ini sangat istimewa ditulis oleh seorang kekasih yang menulis tentang kekasihnya. Menariknya, pembacaan buku ini seolah-olah hidup dan berada pada zaman nabi, duduk di sisi baginda, melihat perjalanan sejarah dengan suasananya, emosinya dan konfliknya yang boleh kita rasa sampailah hari kewafatan nabi dengan kesedihan amat mendalam.

Selepas selesai menterjemah, barulah saya rasa macam mana rasa cinta kepada baginda.

Beli dan beri anak muda kita baca. Saya sendiri sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan bacakan buku ini untuk anak paling kecil berumur tujuh tahun sampai yang besar 17 tahun. Setiap malam dari satu bab ke satu bab. Bila kita baca, anak-anak seronok.



Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources karya ulama sufi Martin Lings atau nama Islamnya Abu Bakar Sirajuddin.

Buku itu mendapat sambutan meluas dan bakal dicetak kali keenam.

Tahun berikutnya, buku Abu Bakr: Liku-Liku Hayat dan Pemerintahan Khalifah Pertama berada di pasaran. Karya asal berbahasa Arab, Hazrat Abu Bakr Siddiq, oleh penulis terkenal Mesir Muhammad Hussein Haikal.

Kira-kira dua bulan lalu, buku 'Umar al-Khattab: Kebijaksanaan Sebagai Pedang tulisan cendekiawan Mesir Abbas Mahmud al-Aqqad diterjemah, sekali gus meneruskan siri kisah zaman Nabi dan sahabat baginda.

Mempunyai pasukan berpengalaman dalam kerja penterjemahan sejak 20 tahun lalu, IBDE sedang meneliti kisah wanita-wanita di samping Rasulullah khususnya isteri baginda.

Buku Muhammad dan Abu Bakar diterbitkan bersama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, sementara buku Umar dan sahabat seterusnya diterbitkan dengan kerjasama Media Selangor Sdn Bhd.

Selain riwayat hidup Imam al-Ghazali, kitab-kitab utama ulama ini yang sudah diterjemahkan pasukan IBDE seperti berikut: Ilmu Kalam: Tegahan Buat Orang Awam, Ciri Pemisah Antara Islam dan Zindik, Al-Mustasfa: Intipati Ilmu Usul Fiqh, Perihal Kesederhanaan Dalam Beriktikad dan Penyelamat

Daripada Kesesatan.

Biografi tokoh ini Imam al-Ghazali: Hayat & Jasa Ilmuwan Ulung diterjemah daripada Muslim Intellectual: A Study of al-Ghazali karya profesor William Montgomery Watt. Teks terjemahan ini termasuk maklumat yang dikemaskini.

IBDE juga rancak menterjemah kitab agung Ihya Ulumuddin sejak awal tahun ini. Dijangka selesai dalam tiga hingga empat tahun, 20 jilid naskhah berbahasa Melayu itu diterjemah daripada 10 jilid teks Arab.

Usaha terjemahan Kitab al-Ilmi (bab pertama Ihya Ulumuddin) dilakukan dengan teliti pada setiap perbincangan al-Ghazali dalam karya itu. Jilid pertama dijangka terbit tidak lama lagi.

Bagi menjulang karya hebat ini, Kerajaan Negeri menganjurkan Festival Turath Islami Selangor antara 20 hingga 25 Mei dengan menampilkan beberapa ulama dari luar negara, termasuk bekas mufti besar Mesir Profesor Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab.

Penterjemahan Ihya Ulumuddin diumumkan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 28 Mei sebagai sebahagian projek baharu Siri Warisan Islami.

Buku-buku sebelum ini diterbitkan bawah Siri Pencerahan Selangor.

Karya terbitan IBDE boleh didapati melalui kedai buku Rencana di Sri Damansara, Petaling Jaya atau secara atas talian menerusi pautan bukuijde.com

# Lapan sebab kami terjemah

**1** Buku ini menggabungkan pandangan penulis sebagai seorang sasterawan, wartawan, peguam, menteri serta ahli politik. Gabungan ini memberikan sudut pandang unik yang mungkin tidak dapat dilihat jika kita sekadar mengikuti perkembangan peristiwa yang berlaku tanpa cuba memahami sebab musabab tindakan dan betapa beratnya keputusan yang perlu dituntaskan oleh seorang pemimpin.

**2** Sudut pandang yang diketengahkan oleh Muhammad Hussein Haikal mengandungi

sentuhan kejiwaan. Buku ini memberi gambaran betapa beratnya Abu Bakar menerima pelantikan beliau sebagai Khalifah, memerangi kaum murtad, mempertahankan keputusannya tatkala mendapat kritikan daripada para sahabat yang rapat, berada di belakang Khalid al-Walid, mengisytiharkan perang terhadap dua kuasa besar ketika itu serentak dan membenarkan al-Quran dikumpul. Perasaan dan dilema Abu Bakar ketika membuat keputusan tentang perkara-perkara berkenaan dirungkaikan dengan menyeluruh.

**3** Dengan membaca tulisan Muhammad Hussein Haikal, kita jadi memahami bahawa peristiwa yang berlaku merupakan hasil keputusan hidup mati Islam selepas kewafatan Rasulullah SAW. Umat Islam di Madinah hampir berpecah-belah kerana isu pelantikan Khalifah. Antara Muhajirin dan Ansar, siapakah yang lebih berhak menjadi Khalifah? Isu ini memberi kita gambaran kepasrahan Ansar yang sanggup mengenyepikan semangat perkauman mereka untuk memberi jawatan tersebut kepada Muhajirin.

Cara Abu Bakar meredakan perasaan gusar kaum Ansar amat berkesan. Beliau sabar dan langsung tidak hilang pertimbangan walaupun terpaksa menghadapi tentangan beberapa kumpulan kecil Ansar yang tetap mempertahankan hak mentadbir milik penduduk

**MEMIMPIN umat Islam sejurus selepas kewafatan Nabi SAW merupakan cabaran maha berat buat Saidina Abu Bakar. Pertelingkahan dalaman antara Muhajirin dan Ansar, pemberontakan dalam masyarakat, isu nabi palsu, keselamatan sempadan, pembukaan wilayah baru dalam kawasan jajahan Rom dan Parsi, pengumpulan al-Quran, dan pelbagai isu pemerintahan diceritakan dan dikupas dengan sangat jelas oleh Muhammad Hussein Haikal, pengarang hebat dari Mesir yang pernah memegang jawatan Menteri Dalam Negeri dan Menteri Pendidikan negara itu. Penterjemah senaraikan lapan sebab kenapa karya ini dipilih untuk bacaan ramai.**



asal Madinah. Namun dengan kebijaksanaan beliau berlembut dan meyakinkan Ansar, kemelut itu dapat diselesaikan.

**4** Muhammad Hussein Haikal membawa kita meneliti peristiwa umat Islam yang sekali lagi berhadapan dengan ancaman perpecahan apabila munculnya golongan murtad di seluruh pelosok Semenanjung Arab. Golongan murtad yang disebutkan ini bukanlah kerana kembalinya mereka kepada penyembahan berhala tetapi sekadar mahukan autonomi sebagai sebuah pekan dan negeri merdeka yang tidak lagi memberi zakat yang dianggap sebagai ufti kepada pusat pemerintahan di Madinah.

Ini ujian getir buat kepemimpinan Abu Bakar. Bukankah tidak mengapa untuk membiarkan negeri-negeri tersebut bebas merdeka mentadbir urusan mereka sendiri sekiranya mereka masih Muslim dan tidak menyembah berhala? Jawapan Abu Bakar jelas, keengganan membayar zakat ialah punca yang memecah-belahkan perpaduan orang Islam. Jika tiada ketegasan maka tentulah pemberontakan itu dibiarkan agar masing-masing tidak dapat terus hidup aman dan damai. Di sini Abu Bakar menghantar mesej bahawa wujudnya autoriti bersama-sama kemunculan Islam.

**5** Kita dapat melihat cabaran Abu Bakar memerangi kumpulan yang murtad dari satu pusat pentadbiran. Kesegeraan,

pengangkutan dan perhubungan semasa memerintah pelbagai pasukan tentera yang terpecah-pecah di Semenanjung Tanah Arab ialah pengalaman baharu yang terpaksa dilalui oleh pentadbiran Abu Bakar.

**6** Perkara rumit yang diputuskan oleh Abu Bakar ialah keputusan beliau menggerakkan tentera Islam untuk mengempur kerajaan Lakhmid yang menjadi proksi Empayar Parsi di Iraq. Jika silap perhitungan, Empayar Parsi pasti melancarkan serangan besar-besaran terhadap Islam di Semenanjung

Tanah Arab. Muhammad Hussein Haikal memberi perincian kemelut yang menyelubungi keputusan memulakan serangan tersebut.

**7** Muhammad Hussein Haikal membawa pembaca memahami betapa getirnya keputusan yang perlu dibuat dalam memulakan kemaraan ke kawasan yang berada bawah pengaruh Rom. Tidak cukup dengan mendedahkan kedudukan Islam di Semenanjung Tanah Arab kepada ancaman Parsi, kini beliau cuba mengacau seekor singa yang sememangnya terkenal dalam sejarah peradaban manusia sebagai empayar besar dan agung yang memiliki segala aspek ketamadunan baik dari segi pengetahuan, seni budaya dan ketenteraan?

Bukankah kerajaan Islam yang masih di ambang penubuhannya itu begitu kerdil jika hendak dibandingkan dengan Empayar Rom yang hebat? Kebimbangan ini digambarkan oleh Muhammad Hussein Haikal dengan jelas.

**8** Muhammad Hussein Haikal menyatakan bahawa dalam segala keputusan yang diambil oleh Abu Bakar, tidak ada yang dapat menyamai jasa beliau membuat keputusan mengumpulkan al-Quran sebagai sebuah mashaf. Usaha ini dibuat dengan begitu teliti untuk memastikan segala yang dihafal dalam dada para huffaz dapat dikumpulkan dengan benar. Inilah jasa sebenar beliau menurut Hussein Haikal. Dengan keputusan ini, lahirlah mashaf al-Quran yang kita kenal pada hari ini. – Farhan Affandi dan Akmal Khuzairi Abd Rahman



# Berkat perpaduan

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

**S**elangor membuktikan formula gabungan baharu Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya negeri (PRN) 12 Ogos mampu menjadi benteng ampuh menentang lawan.

Pengerusi HARAPAN Selangor percaya kerjasama Kerajaan Perpaduan yang terbentuk sejak November 2022 boleh diterima rakyat, sekali gus mengekang Gelombang Hijau yang direkayasa selepas pilihan raya umum (PRU) lalu.

“Walaupun dikatakan akan menerima tentangan sengit, keputusan adalah sebaliknya. Kita hanya kekurangan empat kerusi untuk mencatat kemenangan dua pertiga majoriti,” kata Dato’ Seri Amirudin Shari pada malam kemenangan.

Ramai orang beranggapan kerjasama itu merugikan. Mereka fikir banyak kerusi terlepas ke tangan Perikatan Nasional (PN). Tanggapan itu bagaimanapun tidak sepenuhnya tepat.

Pada PRU 19 November yang menyaksikan persaingan tiga penjur, HARAPAN memperoleh 16 kerusi parlimen, PN (6) dan BN (0). Namun jumlah kutipan undi HARAPAN-BN pada PRN 2023 menunjukkan gabungan itu boleh menang di tiga lagi kerusi walau tewas di Kuala Selangor (lihat Jadual 1).

Ertinya, jika kawasan parlimen turut dipertandingkan serentak pada 12 Ogos lalu seperti sebelum PRU ke-15, gabungan Kerajaan Perpaduan boleh menguasai 18 kerusi.

Begitu juga kemenangan BN di Sungai Air Tawar dan Dusun Tua pada PRN lalu, diandaikan hasil daripada sokongan pengundi Kerajaan Perpaduan.

Penganalisis politik Institut Darul Ehsan (IDE) berpandangan semua undi ahli parti disumbang untuk Kerajaan Perpaduan.

“Dalam hal ini pengundi tegar iaitu ahli parti adalah kekal. Sebab itu jika tengok di peringkat negeri (Selangor), bagi kawasan HARAPAN menang, Umno memang beri (undi) kepada HARAPAN, begitu juga sebaliknya,” kata Khairul Ariffin Mohd Munir.

Jumlah undi di dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) ini pada PRU 2022, masing-masing, menunjukkan BN tewas kepada PN dan HARAPAN.

## Sekutu Melayu

Ketika PRU, sewaktu pembangkang meraih banyak kerusi di banyak negeri, jumlah kutipan undi di peringkat DUN menunjukkan Umno menang dua kerusi sahaja: Permatang dan Paya Jaras. Kedua-duanya kini dikuasai PN.

Namun BN yang dikuasai Umno sudah semakin lemah di Selangor sejak 2008 lagi. Kerusinya merosot daripada 20 kepada 12 (2013) dan empat (2018). Dalam tiga PRU ini, HARAPAN dibantu sekutunya PAS dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia.

Hanya ketika PRU lepas, HARAPAN berdiri tanpa sebarang sekutu parti Melayu. Kerjasama



HARAPAN dengan Umno bagaimanapun tidak menyumbang sebanyak yang diharapkan akibat perpindahan sokongan pengundinya di banyak kerusi negeri.

Namun, ketewasan empat kerusi Parti Keadilan Rakyat dan dua Umno daripada sasaran awal gabungan Kerajaan Perpaduan hanyalah tipis (lihat Jadual 2).

Sasaran ini ditetapkan berdasarkan kutipan undi di peringkat DUN ketika PRU ke-15 yang menunjukkan PN boleh meraih hingga 14 kerusi. HARAPAN hanya meraih 40 daripada jumlah keseluruhan 56 kerusi.

## Tewas tipis

Jika dihitung, di enam DUN ini, HARAPAN dan BN tewas dengan jumlah 2,451 undi sahaja ketika PRN. Secara purata, setiap enam DUN ini tewas dengan majoriti 409 undi.

Benarlah kata Dato’ Menteri Besar kesan Gelombang Hijau tidak terlalu besar.

Khairul menyifatkan pertembungan tiga penjur mungkin menjadi penyebab kekalahan tipis HARAPAN-BN bagi kerusi Sungai Kandis dan Gombak Setia.

“Bekas EXCO Agama Mohd Zawawi Ahmad Mughni kalah di Sungai Kandis dengan 167 undi gara-gara undi Ikatan Demokratik Malaysia. Sementara Pengerusi BN Datuk Megat Zulkarnain Omarkin di Gombak Setia kalah dengan 58 undi disebabkan pecahan undi untuk BEBAS,” katanya.

Tambahnya, sentimen kaum dan agama yang dimainkan PN sejak 2022 diteruskan ketika PRN. Ia masih berbekas dalam pemikiran pengundi Melayu. Manakala Kerajaan Perpaduan yang baru berusia sembilan bulan tidak dapat menunjukkan prestasinya.

“Walau sudah banyak perkara dibuat kerajaan (pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim), namun penyokong (BN) ini masih melihat sentimen-sentimen sedemikian, itu berlakunya peralihan undi,” katanya lagi.

Ramai orang hanya membandingkan 51 kerusi HARAPAN pada 2018 dengan 34 sekarang. Mereka tidak sedar perubahan yang berlaku antara November lalu hingga Ogos.

## Jadual 1 Kutipan undi empat kerusi parlimen

Kerusi	PRN 2023	PRU 2022
Sungai Besar	<b>PH+BN 23,633</b> PN 23,191	PH 17,070 BN 13,984 <b>PN 19,791</b>
Kuala Selangor	PH+BN 36,399 <b>PN 43,586</b>	<b>PH 31,033</b> BN 30,031 PN 23,639
Hulu Selangor	<b>PH+BN 54,218</b> PN 53,746	PH 45,261 BN 27,050 <b>PN 46,823</b>
Kuala Langat	<b>PH+BN 61,430</b> PN 54,479	PH 51,034 BN 18,685 <b>PN 52,867</b>

■ Menang

Sumber Suruhanjaya Pilihan Raya

## Jadual 2 Enam kerusi HARAPAN-BN kalah tipis

Kerusi	PRN 2023	PRU 2022	PRU 2018
Taman Medan	(30)	4,518	10,940
Gombak Setia	(58)	4,018	12,399
Sungai Kandis	(167)	(1,376)	12,480
Dengkil	(407)	1,472	6,934
Bukit Melawati	(877)	1,077	2,695
Ijok	(912)	1,184	2,114

Angka dalam ( ) jumlah majoriti PN

Sumber Suruhanjaya Pilihan Raya





Anwar menerima penghormatan sebagai pemimpin luar pertama menyampaikan khutbah pada 22 September di Pusat Kebudayaan Islam New York, masjid pertama di bandar raya tersebut. Foto Facebook Anwar Ibrahim

## Anwar sampaikan khutbah di New York

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan khutbah Jumaat depan lebih 800 jemaah di Pusat Kebudayaan Islam New York pada 23 September.

Beliau menjadi pemimpin asing pertama diberi penghormatan berbuat demikian di masjid yang pertama dibuka di bandar raya berkenaan, lapor Bernama.

Dalam khutbah, Anwar yang mengahdiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-78 berkongsi pengalaman menguruskan rakyat berbilang kaum dan agama.

Anwar turut menyampaikan sumbangan al-Quran kepada pusat berkenaan untuk kegunaan masyarakat Islam di sana.

Saad Jalloh, imam pusat berkenaan, menyifatkan peristiwa tersebut sebagai detik bersejarah berikutan Anwar pemimpin pertama melawat masjid itu.

Anwar juga diminta memimpin penguapan syahadah seorang lelaki dikenali sebagai Andrew Vinals selepas solat Jumaat.

## Tindakan tegas jika ingkar

# Usah heret institusi raja dalam politik

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan pemimpin politik termasuk ahli parlimen supaya tidak mengheret mana-mana institusi diraja ke gelanggang politik.

Beliau menegaskan tindakan undang-undang termasuk Akta Hasutan akan diambil jika mereka melakukan kesalahan berkaitan institusi berkenaan dan kedudukan istimewanya.

"Isu agama, raja dan bangsa (3R) ini, kalau ia menentang perdana menteri

atau kerajaan, saya tidak mahu gunakan (Akta Hasutan) walaupun betul ada undang-undang.

"Saya tidak mahu ini (akta itu) digunakan tetapi apabila sentuh kedudukan raja-raja, itu keputusan raja-raja supaya tindakan diambil kerana kita harus berlaku adil kepada raja.

"(Raja) tidak boleh jawab di Parlimen, media (atau) perbincangan biasa," katanya ketika berbahas usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 di Parlimen pada 19 September.

Beliau juga memberi contoh kes di Selangor, laporan polis dibuat sebahagian

ahli Dewan di-Raja negeri berkenaan, bukannya dilakukan mana-mana pihak dalam kerajaan atau peguam negara.

Menegaskan raja-raja ada asas tidak mahu dikaitkan dengan politik, Anwar menambah raja-raja telah memaklumkan peguam negara dan polis yang mereka tidak mahu diheret dalam isu politik.

Pada 12 September, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menyeru polis mengambil tindakan terhadap mereka yang membangkitkan isu melibatkan agama, kaum dan kedudukan Raja-Raja Melayu.

## PM ajak dunia bela nasib Palestin

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mencari jalan penyelesaian bagi mengelak konflik antarabangsa dari berlarutan.

Berucap dalam Perhimpunan Agung di New York, beliau juga mendesak masyarakat dunia untuk membantah kekejaman rejim Israel terhadap rakyat Palestin selain mengatasi isu Islamofobia.

"Saya menggesa komuniti antarabangsa menghentikan hipokrisi sebaliknya terus melaungkan suara yang

kuat sebagai manifestasi menentang kekejaman berterusan terhadap rakyat Palestin.

"Menyentuh isu Rusia-Ukraine, saya menyeru usaha bersepadu pelbagai hala diketuai PBB untuk selesaikan konflik ini," katanya pada 22 September.

Beliau juga menegaskan kebimbangan Malaysia terhadap kemunculan bentuk perkauman atau rasisme baharu yang berciri xenofobia, pemprofilan negatif dan stereotaip umat Islam.

"Perbuatan membakar al-Quran yang berlaku di beberapa negara juga

adalah tindakan Islamofobia yang jelas bertujuan untuk mencetuskan kebencian," katanya.

Anwar turut mencadangkan konsep Malaysia Madani diguna pakai masyarakat antarabangsa bagi mendedi 'defisit demokrasi' sedang melanda dunia.

"Mahu tidak mahu, semua negara tidak kira sama ada kuasa besar atau kumpulan negara membangun harus menelan hakikat tentang peranan mencorak dunia lebih baik untuk hari esok," katanya.

## Temui 15 syarikat gergasi Amerika

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan pertemuan dengan 15 syarikat terkenal di Amerika Syarikat yang tersenarai dalam Fortune 500 di New York pada 21 September.

Syarikat yang disenarai berdasar pencapaian dari segi pendapatan kasar itu antaranya Airbnb, Amazon, Amazon Web Services, Boeing, ConocoPhillips dan Kimberly-Clark, lapor Bernama.

Beliau menerangkan kerangka ekonomi negara yang disokong Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12.

"Semoga Malaysia mampu menarik lebih banyak pelaburan baharu daripada syarikat-syarikat gergasi Amerika," katanya.

## Malaysia-Turkiye tangani Islamofobia

**SHAH ALAM** - Malaysia dan Turkiye sepakat untuk menangani ancaman Islamofobia dan perkauman di seluruh dunia menerusi pelbagai langkah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau dan Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan bersetuju mempertingkatkan kerjasama mengekang gerakan membenci Islam yang digerakkan pihak tertentu di serata dunia, lapor Bernama.

"Kita membincangkan sikap prasangka melampau terhadap apa juga Islam di barat dan negara lain," kata Anwar di New York pada 21 September.

Mereka hadir sempena Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-78 sebelum mengadakan pertemuan dua hala di Turkish House di sini.



## Jualan beras di setiap parlimen

**SHAH ALAM** - Program Jualan Rahmah Beras diadakan di setiap kawasan Parlimen di seluruh negara, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Fuziah Salleh.

Beliau berkata potongan harga beras import diberi hasil subsidi dari peruntukan RM150 juta bagi menjamin harga mampu milik untuk pengguna, lapor Bernama.

Katanya, inisiatif berkenaan menyoal golongan memerlukan termasuk kawasan penempatan kelompok berpendapatan rendah, sama seperti pendekatan Jualan Rahmah Bergerak.

"Dalam Jualan Rahmah Bergerak, kita jual beras import lima kilogram (kg) pada harga lebih kurang RM13 dan RM14, jadi kita cuba sedaya upaya untuk jual harga seperti itu," katanya.

Pada 18 September, kerajaan melancarkan jualan itu bagi meringankan beban rakyat yang terjejas dengan kenaikan harga beras di pasaran pada masa ini.

## Kaji benih ganda pengeluaran padi

**SHAH ALAM** - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mengadakan kajian benih padi NMR 152 yang dijangka meningkatkan pengeluaran hampir sekali ganda berbanding benih lain.

Menterinya Chang Lih Kang berkata penyelidikan berkaitan sektor agromakanan melibatkan benih padi itu berikutan ia menghasilkan 10 tan sehektar berbanding kadar purata iaitu enam tan.

"Penghasilan benih baru NMR 152 juga diiktiraf dan diperakui pada peringkat antarabangsa termasuk Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) mengenai pembiakan mutasi pada 2014 dan 2021.

"Selain itu, (benih itu) menerima Anugerah Pencapaian Cemerlang Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dan Anugerah Forum for Nuclear Cooperation in Asia (FNCA)," katanya.

## Waspada risiko bah sepanjang monsun

**SHAH ALAM** - Banjir kilat di beberapa negeri ketika ini akibat hujan lebat lebih kerap berikutan negara memasuki fasa peralihan monsun yang berterusan sehingga November.

Ketua pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia berkata fasa itu berlaku sejak pertengahan September sebelum beralih ke Monsun Timur Laut, lapor Bernama.

"Keadaan ini menyebabkan berlakunya ribut petir dan hujan lebat serta angin kencang pada petang hingga awal malam selain angin puting beliung dan hujan batu.

"Corak cuaca berpotensi mengakibatkan banjir kilat, tanah runtuh, kepala air, pokok tumbang, panahan kilat dan kerosakan struktur tidak kukuh," kata Helmi Abdullah.

# Laluan aliran agama sertai TVET

**SHAH ALAM** - Kerajaan mempertimbang laluan khas pelajar aliran agama, huffaz dan lepasan maahad tahfiz al-Quran ke politeknik dan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menjelaskan cadangan itu membuka peluang lebih

besar untuk mereka mengikuti pengajian TVET melibatkan semua politeknik.

"Sekarang Program Techno Huffaz hanya dilaksanakan secara khusus dan terhad kepada empat program di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Politeknik Sultan Azlan Shah.

"Selepas ini, pelajar tahfiz, aliran agama dan lepasan maahad ada peluang

serta laluan lebih besar untuk ikuti TVET di semua politeknik bawah kementerian," katanya seperti dilapor Bernama pada 19 September.

Beliau turut menjelaskan berlaku peningkatan 20 peratus atau 20,520 kemasukan penuntut ke politeknik bagi program TVET pada tahun ini berbanding 16,962 orang tahun lepas.

## Bawa nilai ekonomi RM40 bilion

# Pelabuhan baharu cipta 115,000 kerja

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

**SHAH ALAM** - Pembinaan terminal ketiga Pelabuhan Klang di Pulau Carey, Kuala Langat dijangka membawa nilai tambah kasar (GVA) kepada ekonomi negara sekitar RM40.2 bilion menjelang 2060.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke Siew Fook menjelaskan pembangunan tersebut juga bakal memberi pulangan melalui cukai langsung dan tidak langsung sebanyak RM5.98 bilion dalam tempoh sama.

"Apabila pelabuhan ini siap sepenuhnya kelak ia dijangka mewujudkan kira-kira 115,000 peluang

pekerjaan kepada penduduk tempatan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

"Masyarakat setempat termasuk Orang Asli dapat menikmati sistem rangkaian perhubungan, infrastruktur dan utiliti lebih baik melalui perancangan pembangunan Pulau Carey," katanya.

Beliau mengulung perbahasan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 di Dewan Rakyat pada 19 September.

Anthony Loke berkata pembangunan itu dirangkum dalam Pelan Induk Pembangunan Pulau Carey yang diterajui Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor (PLANMalaysia

Selangor).

"Kementerian Pengangkutan dan Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) terlibat aktif dalam semua perbincangan bagi memurnikan perancangan pembangunan Pulau Carey secara keseluruhan.

"Kementerian Pengangkutan dimaklumkan pelan induk pembangunan tersebut akan dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor atau Kerajaan Selangor," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pembangunan pelabuhan baharu di Pulau Carey dijangka mengukuhkan Pelabuhan Klang sebagai hab pemindahan kapal serantau.

# Rawatan percuma 80,000 isi rumah

**SHAH ALAM** - Golongan berpendapatan rendah boleh mendapatkan rawatan percuma meliputi 1,300 klinik swasta di seluruh negara yang menyertai Skim Perubatan Madani mulai 15 September.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata lebih 130,000 individu menerima rawatan kes akut atau 80,000 isi rumah setakat ini sejak inisiatif tersebut diperkenalkan pada 15 Jun.

"Itulah kebaikan skim ini yang telah

dilancar oleh Kerajaan Madani. Bilangan rawatan yang diberi hampir mencecah 4,000 sehari dan semakin meningkat," katanya di Dewan Rakyat pada 19 September.

Mempelawa klinik swasta mendaftar sebagai panel skim tersebut, Dr Zaliha menjelaskan program berkenaan diperkenalkan bagi menagati isu kesesakan pesakit di pusat kesihatan kerajaan.

"Selain itu, ia bertujuan membantu rakyat khususnya kelompok B40

mendapat rawatan pesakit luar bagi kes akut di klinik perubatan swasta secara percuma," katanya.

Skim itu diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Belanjawan 2023 bagi membantu B40 memperoleh kemudahan rawatan dengan kos ditampung kerajaan pada kadar tertentu.

Had bagi isi rumah berkeluarga RM250, warga emas tanpa pasangan (RM125) dan bujang (RM75) mencakupi rawatan demam, selesema, cirit-birit, terseliuh, sakit kepala dan trauma ringan.



# Sasar kelompok 12 terbaik dunia

**SHAH ALAM** - Malaysia disasar berada dalam kelompok 12 terbaik bagi Indeks Daya Saing Global pada masa depan sekali gus mampu menarik lebih banyak pelabur ke negara ini.

Timbalan menteri kewangan II berkata negara ketika ini pada tangga ke-27, kedudukan yang diraih dalam tempoh enam bulan sejak Kerajaan

Perpaduan mengambil alih pentadbiran negara.

Steven Sim Chee Keong menjelaskan Malaysia berada pada kedudukan ke-32 pada tahun lalu sebelum naik kepada ke-27 dalam tempoh singkat hasil kerja keras penjawat awam dan sektor swasta.

"Tetapi Perdana Menteri (Datuk Seri

Anwar Ibrahim) kata kita tidak boleh berpuas hati setakat kedudukan ke-27 memandangkan Malaysia pernah menjadi negara terhebat dunia.

"Justeru, sasaran kita dalam jangka sederhana mahu jadi 12 terbaik bagi Indeks Daya Saing Global," katanya ketika melawat pusat pentadbiran Selangor pada 21 September.





**PULIHARA...** EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin melepaskan anak ikan kelah sempena Hari Hutan Antarabangsa peringkat negeri dan penutup Mini Ekspedisi Biodiversiti Sungai Chiling, Hulu Selangor pada 22 September. Foto REMY ARIFIN

Kenderaan tampung 19 tan sampah

# 75 lori pemampat tingkat kutipan

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

**SHAH ALAM** - KDEB Waste Management (KDEBWM) membelanjakan kira-kira RM30 juta bagi memperoleh lori pemampat baharu dengan kapasiti lebih besar berkuat kuasa 1 Oktober.

Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir menjelaskan penggunaan itu mempertingkatkan kecekapan kerja berikutan kenderaan tersebut mampu membuat kutipan lebih banyak dalam masa singkat.

Beliau berkata penggunaan lori tersebut bermula di Klang selaku pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama menggunakan khidmat KDEBWM sejak 2016 sebelum diperluas ke PBT lain tahun depan.

"KDEBWM masuk fasa kedua. Dahulu, kita guna lori 16 tan, kali ini menggunakan lori merah kuning sebanyak 75 buah berkapasiti 18 dan 19 tan.

"Dengan saiz baharu ini, kita boleh memberi perkhidmatan lebih segar dan berani serta sampaikan manifestasi sebagai pemain industri yang proaktif"

katanya.

Pelancaran lori pemampat berserta imej korporat baharu disempurnakan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari di bangunan pentadbiran negeri pada 20 September.

Pelancaran aset berkenaan bersempena sambutan kontrak syarikat urus sisa pepejal itu dengan Majlis Perbandaran Klang (MPK) selama tujuh tahun.

Amirudin turut menyaksikan penyerahan replika kunci antara Ramli dan Yang Dipertua MPK Noraini Roslan sebagai simbolik sambutan kontrak.

## Peluang warga MPHS lanjut belajar

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dan Universiti Pengurusan & Sains (MSU) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi memperkukuh kerjasama dalam kepakaran, pendidikan, ekonomi, sosial dan kesihatan.

Menurut Bahagian Korporatnya, inisiatif kerjasama selama tiga tahun itu antaranya pemeriksaan mata dan pembekalan cermin mata serta perkhidmatan

kaunseling kepada kakitangan MPHS.

Ia juga menyediakan peluang melanjutkan pelajaran dalam kalangan kakitangan MPHS ke MSU melalui konsep pembelajaran sepanjang hayat seterusnya meningkatkan kemajuan kerjaya mereka.

Selain itu, hasil sewaan sebahagian bangunan kedai di Jalan Bunga Pakma, Bukit Beruntung dimasukkan ke Tabung Endowmen MPHS untuk membiayai program kemasyarakatan.

MoU itu ditandatangani Yang Dipertua MPHS Mohd Hasry Nor Mohd manakala MSU diwakili Presidennya Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid pada 18 September.

MPHS dan MSU juga mewujudkan perkongsian pintar dalam bidang kependudukan, perniagaan, perindustrian dan pembangunan fizikal selain perkongsian maklumat dalam kajian ekopelancongan.

## Belanja RM53 juta urus sisa pepejal

**AMPANG JAYA** - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) membelanjakan RM53 juta setahun untuk pengurusan sampah di kawasan pentadbirannya.

Yang Dipertuanya Dr Ani Ahmad berkata kos itu boleh dikurangkan sekiranya penduduk melakukan pengasingan sampah dan membudayakan kitar semula di rumah masing-masing.

"Memang dari semasa ke semasa agenda untuk merawat dan kumpul sampah adalah agenda utama di MPAJ. (Kita anggaran) kira-kira 612,000 penduduk di Ampang Jaya kesemuanya menghasilkan sampah.

"Jika sampah tidak diuruskan dengan baik ia akan memberi kesan kepada keseluruhan kos pengurusan sampah di peringkat MPAJ," katanya pada 23 September.

## Sedia 67 lokasi parkir dua jam

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menguatkuasakan penggunaan petak letak kereta dua jam meliputi 67 lokasi pentadbirannya mulai 4 September.

Menurut pihak berkuasa tempatan itu, kadar harga ditetapkan RM1.20 sejam (maksimum dua jam) mulai 8 pagi hingga 5 petang dari Isnin hingga Jumaat melalui pelbagai aplikasi.

"Tiada rayuan dan tiada pengurangan kompaun diberikan bagi kesalahan penyalahgunaan petak letak kereta dua jam," maklum MBSA di Facebook baru-baru ini.

Bayaran boleh dibuat melalui aplikasi Smart Selangor Parking, Flexi Parking, Go-Payy, Jom Parking, Touch n'Go eWallet dan Setel.

Pelaksanaan parkir dua jam dilaksanakan bawah Pewartaan Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Bandaraya Shah Alam) Pindaan 2023.

## Pertandingan karom tawar RM4,000

**SHAH ALAM** - Orang ramai dipelawa menyertai pertandingan karom di Dewan Serbaguna MBSJ USJ 7, Subang Jaya anjuran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) pada 21 Oktober.

Pertandingan sempena sambutan ulang tahun ketiga MBSJ mulai jam 9 pagi hingga 9 malam menawarkan hadiah wang tunai RM4,000. Yuran penyertaan RM40, terhad kepada 128 regu terawal.

Johan membawa pulang wang tunai RM1,500 diikuti naib johan (RM800), ketiga dan keempat (RM400), kelima hingga kelapan (RM150) manakala kesembilan sehingga ke-16 (RM50).

Tarikh tutup penyertaan pada 17 Oktober. Sebarang pertanyaan, hubungi Mohd Nor Affandi (03-8026 4382) atau Anuar Ismail (011-6187 6310).



## RM500,000 untuk mangsa bencana

**PETALING JAYA** - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI membelanjakan lebih RM500,000 bagi membantu mangsa pelbagai bentuk bencana di negeri ini.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporatunya (CSR) Ahmad Azri Zainal Nor menjelaskan jumlah tersebut sebahagian daripada peruntukan RM1 juta yang disediakan untuk tahun ini.

"MBI sentiasa bersedia untuk berdepan mana-mana isu bencana yang sedang atau kemungkinan berlaku.

"Setakat ini, lebih setengah juta ringgit disalurkan daripada sudut sumbangan, gantian bumbung sama ada di rumah atau pangsapuri dan beberapa keperluan lain."

Anak syarikat Kerajaan Negeri itu melaksanakan pelbagai aktiviti CSR tahun ini antaranya agihan haiwan korban, mahabbah haji dan program tuisyen rakyat.

## RM15,250 bantu penduduk terjejas

**PETALING JAYA** - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyalurkan bantuan RM15,250 kepada mangsa terjejas ribut di Kota Damansara.

Ketua Tanggungjawab Sosial dan Komunikasi Korporatunya Ahmad Azri Zainal Nor berkata sebanyak RM10,000 disumbangkan kepada badan pengurusan bersama (JMB) Pangsapuri Gugusan Dahlia.

Beliau menjelaskan baki peniaga di Seksyen 8 Kota Damansara di sini yang turut terjejas dalam bencana pada 28 Ogos.

"Setiap peniaga terima RM250. Meski jumlahnya tidak besar, kita berharap bantuan ini sedikit sebanyak meri-

ngankan beban mereka," katanya pada 21 September.

Ahmad Azri berkata sebanyak RM500,000 dibelanjakan MBI bagi membantu mangsa pelbagai bencana di negeri ini.

Jumlah tersebut sebahagian daripada peruntukan RM1 juta yang disediakan untuk tahun ini.

Sebelum ini, anak syarikat Kerajaan Negeri itu turut melaksanakan pelbagai aktiviti CSR tahun ini antaranya agihan haiwan korban, mahabbah haji dan program tuisyen rakyat.

Sementara itu, wakil rakyat Kota Damansara Muhammad Izuan Kasim turut menghargai sumbangan MBI dan berharap ia memberi kelegaan kepada peniaga serta penghuni Pangsapuri

Gugusan Dahlia.

"Hasil perbincangan bersama pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya, semua peniaga di sini akan dipindahkan ke lokasi yang lebih strategik berhampiran sini.

"Pemindahan akan berlaku dalam masa terdekat, kita berharap mereka dapat berniaga secara lebih kondusif, selamat dan lebih ramai pelanggan," katanya.

Wakil JMB Pangsapuri Gugusan Dahlia Baharudin Abd Hamid turut berterima kasih kepada Kerajaan Negeri atas bantuan tersebut.

"Banyak kediaman terjejas ketika ribut terutama tingkat atas bangunan agak teruk bumbung ditiup angin. Terima kasih bantuan ini sedikit sebanyak membantu kerja baik pulih," jelasnya.



## 81 NGO terima dana

**SHAH ALAM** - Sebanyak 81 pertubuhan Islam bukan kerajaan (PIBK) yang bernaung bawah Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menerima sumbangan RM510,000.

Pengerusi Mais Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof menjelaskan sumbangan tersebut diberi berdasarkan komitmen setiap persatuan dalam menangani ancaman akidah dan sosial di Selangor.

"Sumbangan kewangan ini juga diberi mengikut penilaian prestasi dan keberkesanan program yang dianjurkan Mais bagi tempoh setahun.

"Semoga pemberian ganjaran ini akan mendorong semua pertubuhan ini untuk bersama berganding bahu dalam mempertahankan dan memartabat kesucian Islam khususnya di Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian di Seminar Pemerkasaan PIBK 2023 di Wisma Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor di sini pada 20 September.

PIBK yang menerima sumbangan antaranya Pertubuhan Guru Kafa Sabak

Bernam, Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor, Pertubuhan Muallaf India Se-Malaysia, dan Persatuan Cina Muslim He-Ping.

Sementara itu, kira-kira 230 peserta daripada PIBK, anggota Jawatankuasa Dakwah Negeri Selangor, ketua jabatan dan anak syarikat Mais serta orang awam menghadiri seminar itu.

la dianjurkan bagi memberi peluang kepada semua pihak bertukar pandangan dalam menangani isu ummah melibatkan kepentingan Islam di Selangor.

Dalam perkembangan sama, Mais mengalu-alukan penyertaan lebih banyak PIBK bernaung bawah agensi berkenaan.

Abdul Aziz menjelaskan 77 pertubuhan berdaftar pada masa ini bagi menjalankan tanggungjawab bersama dalam isu berkaitan kepentingan ummah.

"Lagi ramai PIBK, lagi baik. Lagi luas kita dapat jalankan tanggungjawab kita. Kita pelawa dan buka permohonan untuk sertai kita secara dalam talian," katanya.

## Ganti alatan niaga rosak

**PETALING JAYA** - Peniaga di Seksyen 8 Kota Damansara di sini tidak menyangka berdepan musibah ribut pada hari pertama berniaga selepas cuti bersalin.

Namun, Aishah Izhar, 34, bersyukur berikutan sumbangan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI dapat digunakannya untuk mengganti beberapa peralatan jualannya yang terjejas.

"Saya terharu dengan ingatan pihak berkaitan kepada peniaga terjejas di kawasan ini," kata penjual kuih muih tradisional dan sushi.

Beliau antara 21 peniaga yang menerima sumbangan RM250 daripada Ahli Dewan Negeri Kota Damansara Izuan Kasim

pada 21 September.

Berkongsi pengalaman berdepan ribut pada 28 Ogos, Aishah menyifatkan kejadian itu paling teruk pernah berlaku sejak beliau mula berniaga di lokasi berkenaan sejak dua tahun lalu.

Peniaga bubur ayam Rizman Hamid, 39, pula menganggar kerugian kira-kira RM2,000 berikutan khemah serta beberapa peralatan musnah diterbangkan angin.

"Namun, saya reda dan syukur kerana tidak alami kecederaan. Terima kasih ADN Kota Damansara yang membantu pindahkan kami ke kawasan baharu yang lebih strategik dan selamat," katanya.



**KUALA LANGAT MINING SDN. BHD. ("KLM")**  
(NO. SYARIKAT: 198101011019[77146-T])

(Anak Syarikat Milikan Penuh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.)

### NO. RFP 01/2023

PELAWAN MEMBERI CADANGAN (RFP) BAGI TANAH PENGKUARIAN DI H.S.(D)187647, PT 14300, MUKIM HULU LANGAT, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN YANG BERKELUASAN LEBIH KURANG 118.0 EKAR (47.75 HEKTAR)

Tarikh Taklimat RFP : 3<sup>th</sup> Oktober 2023 (Selasa)  
Waktu Berkumpul/ Pendaftaran : 11.00 pagi  
Tempat Berkumpul : Pejabat Satelit KSSB (Zon Selatan)  
No. 17, Tingkat Bawah  
Jalan Ambar 1, Taman Ambar  
43800 Dengkil  
Selangor Darul Ehsan

Masa dan Tarikh Penjualan Dokumen Tender : 4<sup>th</sup> (Rabu) dan 5<sup>th</sup> Oktober 2023 (Khamis)  
9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari  
2.00 petang hingga 4.30 petang

Masa dan Tarikh Penyerahan Dokumen RFP : 19<sup>th</sup> Oktober 2023 (Khamis)  
9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari  
Penyerahan lewat dan tidak lengkap akan ditolak

Tempat Pembelian dan Penyerahan Dokumen RFP : Kuala Langat Mining Sdn Bhd  
Aras LPH, Menara Bank Rakyat Shah Alam  
No. 1, Jalan Indah 14/8  
Seksyen 14  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

- Syarat-syarat kelayakan pembeda:
  - hanya syarikat berstatus Sdn. Bhd. dan Berhad sahaja layak menyertai RFP ini; dan
  - mempunyai modal berbayar/dana pemegang saham minima RM2,000,000.00
- Harga Dokumen RFP : RM100.00. (Tunai sahaja). Tidak dipulangkan.
- Fi Pemrosesan RFP : RM10,000.00 (Cek Jurubank /Cek Syarikat). Tidak dipulangkan.
- Deposit RFP : RM200,000.00 (Cek Jurubank /Cek Syarikat). Akan dipulangkan kepada pembeda yang tidak berjaya.

#### Catatan :

- Taklimat RFP adalah wajib bagi melayakkan pembeda-pembeda menyertai RFP berkenaan.  
**Pembeda-pembeda yang tidak menyertai dan tidak mendaftarkan diri semasa taklimat RFP tidak layak untuk menyertai RFP tersebut. Penyertaan taklimat RFP, pembelian dan penyerahan dokumen RFP hendaklah dilakukan di atas nama syarikat yang sama.**
- KLM berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan atau membatalkan RFP tanpa memberikan sebarang sebab atau alasan dan tanpa perlu membayar balik apa-apa perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung oleh mana-mana pembeda. Semua keputusan oleh KLM adalah muktamad.
- KLM tidak pernah melantik atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk menjalankan sebarang transaksi berkenaan RFP bagi pihak KLM dan KLM tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga dan tidak akan menanggung apa-apa liabiliti berkenaan sebarang kesimpulan, kerugian atau kerosakan dalam apa jua bentuk yang telah ditanggung atau mungkin ditanggung oleh orang ramai yang berpunca daripada mereka bergantung atau menggunakan maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga. Pihak awam dinasihatkan agar menghubungi KLM bagi sebarang pengesahan dan/atau maklumat lanjut.
- Maklumat lanjut RFP boleh diperolehi di laman sesawang rasmi kami [www.semesta.com.my](http://www.semesta.com.my)

**Kuala Langat Mining Sdn. Bhd.**  
Aras LPH, Menara Bank Rakyat  
No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-5518 7735 Faks: 03-5518 7736  
[www.semesta.com.my](http://www.semesta.com.my)

#### Pegawai Untuk Dihubungi:

En. Khairul Hisyam Abdul Halim 012-360 2405  
En. Muhammad Amir Osman 011-7228 5132  
En. Mohd Izat Hafifi Abdullah 017-920 6751





**SANTAI...** Ketua Jurulatih Harimau Malaya Kim Pan Gon bertemu peminat sempena Karnival Komuniti dan Pesta Air Putrajaya 2023 di Kompleks Futsal Presint 18 pada 23 September. Foto Persatuan Bolasepak Malaysia

**Kelana United raih dua anugerah khas**

# Sasar peringkat akhir Liga Juara

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

**SUBANG JAYA** - Kejayaan meraih Anugerah Pemain Muda Terbaik Liga Juara Selangor (SCL) 2022 menguatkan lagi semangat Shahrul Haziq untuk terus beraksi cemerlang pada masa depan.

Penghargaan itu turut membakar semangat pemain Kelana United berusia 20 tahun itu untuk membantu pasukan berkenaan memenuhi sasaran menjuarai SCL pada tahun ini.

"Sejujurnya saya tidak jangka kemenangan ini tetapi semestinya membakar semangat saya untuk membantu

pasukan memenuhi sasaran bergelar juara SCL tahun ini," katanya pada 18 September.

Jurulatih Kelana United Fairuz Montana yang turut menerima Anugerah Jurulatih Terbaik berkata kejayaan Shahrul membakar semangatnya untuk membuat persiapan rapi menghadapi kejohanan itu.

"Kemenangan ini semestinya menyuntik semangat saya bersama pasukan untuk menghadapi cabaran kejohanan SCL 2023. Saya bersyukur diundi dalam kumpulan dengan pasukan yang kuat," katanya.

Beliau sentiasa memasang impian

untuk menjulang piala SCL musim ini sekali gus meneruskan momentum kejayaan menjuarai Liga Perdana FAS pada bulan lalu.

"Edisi 2021 kami ke suku akhir, tahun lalu separuh akhir dan edisi kali ini saya mahu gelaran juara. Dengan prestasi semasa, kami yakin kejuaraan tahun ini milik kami," katanya.

Pada majlis sama, Harry Danish merangkul anugerah Gol Terbaik manakala Muhammad Harris Sharudin menerima Anugerah Jawatankuasa Pengadil.

Pemilihan ditentukan melalui undian peminat di laman media sosial Persatuan Bola Sepak Selangor.

## Pingat Sukan Asia, Olimpik setaraf

**SHAH ALAM** - Pemain beregu lelaki negara Aaron Chia menyifatkan nilai pingat di Sukan Asia Hangzhou sama seperti Sukan Olimpik berdasarkan tahap persaingan.

Beliau bersama Soh Wooi Yik mahu memanfaatkan penampilan sulung di temasya terbesar Asia itu dengan menyumbangkan keputusan terbaik buat kontinjen Malaysia, lapor Berita Harian.

"Sukan Asia adalah temasya yang penting, saya percaya bukan untuk saya

sahaja tetapi semua pemain. Lagipun, temasya ini turut menawarkan mata untuk kelayakan ke Sukan Olimpik (dalam acara individu).

"Sudah tentu kami ada sasaran tetapi kami tidak mahu memberi tekanan kepada diri sendiri. Kami berharap boleh menghasilkan keputusan terbaik untuk kontinjen Malaysia.

"Sekiranya memenangi pingat di Sukan Asia, saya rasa nilainya sama seperti memenangnya di Sukan Olimpik," katanya pada 22 September.

Pasangan nombor lima dunia itu memenangi emas Sukan SEA Manila 2019, gangsa Sukan Olimpik Tokyo 2020 dan gangsa Sukan Komanwel Birmingham 2022.

Aaron menjelaskan fokus awal skuad badminton negara adalah acara berpasukan yang diibaratkan seperti Piala Thomas.

Katanya, Malaysia dijangka berdepan laluan berliku tetapi percaya semua pemain sudah bersedia untuk menampilkan persembahan terbaik.

## Selangor-Pulapol johan bersama

**SHAH ALAM** - Kontinjen Selangor dan Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur diumumkan juara bersama Kejohanan Hoki Piala Ketua Polis Negara 2023 di Stadium Azlan Shah, Ipoh.

Keputusan itu dibuat selepas perlawanan akhir kategori Premier terpaksa dihentikan kerana hujan lebat pada kedudukan 2-2.

Tempat ketiga dimenangi bersama kontinjen Kuala Lumpur dan Johor, lapor Bernama pada 23 September.

Kontinjen Sabah mengungguli saingan Divisyen 1 diikuti Briged Utara, manakala tempat ketiga dimenangi bersama Melaka dan Negeri Sembilan.

## Azizulhasni tumpu proses pulih cedera

**SHAH ALAM** - Jaguh berbasikal negara Datuk Mohd Azizulhasni Awang memberi tumpuan kepada proses pemulihan selepas terlibat dalam kemalangan ketika berlatih untuk Sukan Asia pada 15 September.

Keputusan yang memaksa 'The Pocket Rocketman' menarik diri daripada temasya itu dibuat bagi mengelakkan kecederaan bertambah parah selepas berbincang dengan jurulatih John Beasley.

"Kita bincang dan buat keputusan terbaik banyak kemungkinan kalau saya buat keputusan pergi (Sukan Asia), dengan keadaan saya belum pulih kesakitan ini boleh memburukkan lagi keadaan dan memanjangkan kecederaan.

"Fokus utama kita Sukan Olimpik Paris, yang hanya berbaki 322 hari. Saya mohon maaf untuk kontinjen dan seluruh rakyat Malaysia, fokus sekarang untuk pulih secepat mungkin," katanya pada 20 September.

## Kerjasama empat negeri jaya LTdL

**SHAH ALAM** - Majlis Sukan Negara (MSN) tidak berdepan masalah bekerjasama dengan empat negeri pembangkang untuk menganjurkan Hari Sukan Negara (HSN) 2023.

Ketua Pengarahnya Datuk Ahmad Shapawi Ismail berkata apa yang digembar-gemburkan mengenai kemelut HSN 2023 di Terengganu, Kedah, Kelantan dan Perlis tidak tepat, lapor Berita Harian.

"Malah kita mendapat kerjasama sebaiknya daripada semua empat negeri terbabit, malah Le Tour de Langkawi (LTdL) 2023 pun akan melibatkan empat negeri berkenaan," katanya berhubung kemelut sambutan HSN 2023 di empat negeri berkenaan.

Kementerian Belia dan Sukan mengesahkan HSN 2023 di empat negeri itu dikendalikan Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri pada 13 hingga 15 Oktober.





**ANFAAL SAARI**  
Taman Templer  
mendengar keluhan penjaja  
Selayang Mutiara yang  
dipindahkan di DUN beliau



**DATUK JOHAN ABD AZIZ**  
Dusun Tua  
meninjau program jualan murah  
di Kampung Sungai Tekali,  
Hulu Langat



**PUA PEI LING**  
Bukit Lanjan  
hadir ke program penduduk  
bersama bomba di  
Taman Bidara, Gombak



**CHUA WEI KIAT**  
Rawang  
bersama pemenang bola sepak  
di Bandar Baru Sungai Buloh,  
Shah Alam



**LWI KIAN KEONG**  
Sungai Pelek  
menanam pokok dalam  
program Dahlia Ceria Lestari  
di Taman Dahlia, Sepang



**SYED AHMAD ALHADAD**  
Lembah Jaya  
bermesra dengan  
peniaga pasar tani  
di Ampang Jaya



**MARIAM ABDUL RASHID**  
Meru  
menyertai gotong-royong  
bersama penduduk Taman  
Desa Permai 3, Klang



**PREAKAS SAMPUNATHAN**  
Kota Kemuning  
berbincang bersama  
penduduk di Taman  
Sri Muda, Shah Alam



## Sahut cabaran lasak di Gua Damai

**GOMBAK** - Karnival Ekstrem Gua Damai 2023 memberi peluang kepada kanak-kanak mempamer ketangkasan dalam sukan lasak yang mencabar dan menguji stamina.

Tujuh kegiatan lasak disediakan untuk mereka seperti luncur keluang (flying fox), panjat batu kapur, turun cenuram (abseiling), panjat pokok, tembak bebola cat (paintball), terjun tapak (base jump) dan memamah.

Suri rumah Suzana Khalid, 40, sanggup membawa anak tunggalnya Muhammad Zayyad Rizqi Khairul Akmaludin, 9, dari Dengkil untuk menyertai karnival itu.

"Anak saya menunjukkan minat sukan lasak sejak tahun lalu. Jadi, kali ini saya bagi peluang untuk dia cuba memanjat

gua batu kapur.

"Dia nampak meyakinkan dan boleh buat. Mungkin selepas ini saya datang ke sini setiap tahun untuk beri peluang dia membuat aktiviti lain yang lebih mencabar," katanya pada 17 September.

Dhamirah Kaisa Zahari, 7, pula teruja apabila pertama kali berpeluang melakukan luncur keluang bersama abang dan kakaknya.

Menurut ibunya, Masita Mohd Noh, 42, Dhamirah mula menunjukkan minat terhadap sukan ekstrem sama seperti kakak dan abangnya selepas menyertai karnival tersebut.

"Ini tahun keempat kami sekeluarga datang ke sini. Setiap tahun memang kami tunggu program ini kerana ada banyak aktiviti menarik.

"Kebetulan kami sekeluarga juga meminati aktiviti lasak. Kalau ada waktu lapang, kami suka melakukan aktiviti luar seperti berkhemah dan sebagainya," kata guru itu.

Karnival dua hari yang dihadiri lebih 4,000 peserta itu anjuran bersama Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Tourism Selangor dan Tourism Malaysia.

Ia bagi menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat selain mempromosi lokasi pelancongan sukan berkenaan.



**Kos RM2,000, syarat mudah**

## Nikah perdana jimat belanja peserta

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

**GOMBAK** - Peserta pernikahan perdana anjuran Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) gembira apabila impian mendirikan rumah tangga dipermudahkan selepas menanti sejak Mei lalu.

Menurut Megavati Pavilias Abdullah, 39, program berkenaan membantunya bersama suami Fahmi Mizaan, 38, meraikan kemeriahan hari bahagia bersama.

"Kami mengetahui mengenai program ini semasa menjalani kursus kahwin bulan Mei lalu dan kami cuba

memohon. Alhamdulillah terpilih.

"Saya dan suami gembira sebab dapat jimatkan belanja kahwin tambahan keluarga saya jauh di Sabah," katanya yang juga muafak.

Beliau yang berkhidmat sebagai pegawai kerajaan antara sembilan pasangan

pengantin yang dirai-

kan dalam Program Aqdun Mubarak: Memeterai Kontrak Keberkatan Ilahi di Masjid Perodua Bandar Serendah di sini pada 23 September.

Sementara itu, seorang lagi pengantin Alif Iskandar, 28, berka-

ta syarat permohonan yang tidak terlalu ketat memudahkan persiapan majlisnya bersama pasangan Zu Fitriah Huzair, 28.

"Konsep program ini nikah dan bersanding sekali gus memudahkan kami bersama keluarga untuk merancang perkahwinan," katanya.

Setiap pasangan hanya perlu membayar RM2,000 untuk menyertai Aqdun Mubarak dan program Zon 3 berlangsung di Masjid Bandar Tun Hussein, Cheras bulan depan.

Sebanyak RM36,000 diperuntuk Kerajaan Negeri melalui Jais bagi setiap program tidak termasuk kos jamuan makanan.



## Tanam pokok sokong agenda sifar karbon

**AMPANG JAYA** - Inisiatif penanaman pokok peringkat Parlimen Ampang bermula Oktober seiring agenda Rancangan Selangor Pertama (RS-1) untuk mencapai pelepasan sifar karbon menjelang 2050.

Ahli Parlimen Ampang Rodziah Ismail berkata pihaknya mengadakan perbincangan dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang bersetuju menyumbang 100,000 pokok.

"Kita sudah bincang dengan TNB yang sudi sumbangkan 100,000 pokok untuk kita tanam dengan cara yang teratur.

"Program penanaman 100,000 pokok ini saya telah rangka dan kita akan mula tanam sempena Hari Sungai Sedunia dijangka Oktober ini," katanya ketika merasmikan program gotong-royong perdana sempena sambutan Hari Pembersihan Sedunia 2023 di Taman Bukit Indah Fasa 2, Ampang Jaya pada 23 September.

Beliau berkata pihaknya juga bersedia memperuntuk RM3,000 hingga RM5,000 kepada persatuan penduduk atau badan pengurusan bersama (JMB)

bagi usaha keceriaan kawasan perumahan masing-masing.

"Saya akan beri peruntukan untuk keceriaan sama ada kita tanam lebih pokok dan sebagainya. Selain itu boleh juga dilaksanakan program mengindahkan lorong belakang rumah dengan tanaman sayur-sayuran.

"Kita bukan sahaja perlu indahkan depan rumah. Sepatutnya lorong belakang rumah juga jadi tempat yang menarik untuk interaksi dengan komuniti," katanya.



## Sasar 20,000 hadir festival rakyat

**PETALING JAYA** - Seramai 20,000 pengunjung dijangka menyertai Festival Cerita Rakyat Belia Asia Pasifik Pertama anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Datuk Bandarnya berkata beberapa segmen dijadual berlangsung sepanjang enam hari program sehingga 26 September antaranya persembahan kebudayaan antarabangsa, seminar kerjaya seni dan persidangan seni antarabangsa.

"Kita turut himpunkan artis terkenal tanah air membuat persembahan antaranya Datuk Awie, Ella, Ziana Zain dan Datuk Hatan. Konsert diadakan di Dataran MBPJ.

"Festival ini turut menyelitkan seminar kerjaya seni bertujuan memberi pendedahan awal berhubung industri selain prospek kerjaya," kata Mohamad Azhan Md Amir pada 23 September.

## Ringan beban 100 pengantin

**GOMBAK** - Lebih 100 pasangan menerima manfaat melalui program Aqdun Mubarak: Memeterai Kontrak Keberkatan Ilahi anjuran Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) sejak 2015.

Timbalan pengarah (Operasi) Jais berkata sebanyak RM36,000 diperuntuk untuk setiap penganjuran bagi membantu menjimatkan kos perkahwinan.

"Setiap pasangan hanya mengeluarkan kos minimum RM2,000, manakala belanja keseluruhan majlis ditanggung Kerajaan Negeri termasuk melalui Tabung Infak Jariah Umat Islam Negeri Selangor.

"Program tahunan ini membantu meringankan beban pasangan terutama mengurangkan belanja pengurusan majlis selain menjimatkan masa," kata Salwana Ahmad Dahlan.

## 200 keluarga terima barangan asas

**SHAH ALAM** - Seramai 200 keluarga di Pangsapuri Rebana Bandar Bukit Raja, Klang menerima sumbangan pelbagai makanan asas termasuk beras pada 17 September.

Wakil rakyat Bandar Baru Klang berkata agihan beg bernilai kira-kira RM50 dibuat menerusi pusat khidmat masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan.

Dr Quah Perng Fei memaklumkan setiap penerima yang layak diberikan minyak masak, garam, gula, mi kering, mi segera, biskut dan makanan dalam tin.

"Pengagihan ini dibuat bagi mengurangkan beban belanja dapur terutama bagi golongan berpendapatan rendah," katanya.

Menurut Perng Fei, pihaknya prihatin dengan keperluan dan kebajikan masyarakat setempat, justeru program berkaitan kebajikan rakyat sentiasa diteruskan.



## Tengku Permaisuri zahir ucapan tahniah

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor berkenan merakam ucapan tahniah atas kejayaan pasukan orkestra Sekolah Seri Puteri (SSP) yang mengungguli Pertandingan Golden Sardana di Barcelona, Sepanyol.

Tengku Permaisuri Hajah Norashikin yang juga Penaung Diraja SSP menzahirkan rasa bangga apabila pasukan Simfonik Wind (SP-Winds) membolot tiga anugerah sekali gus mengharumkan nama Malaysia dalam pertandingan berprestij itu.

"Baginda percaya, dengan ketekunan dan kegigihan puteri-puteri SPWinds dan semua pihak yang menyokong pasukan ini, mereka akan terus menempa kejayaan yang lebih cemerlang dan gemilang di masa akan datang," tulisan Facebook Selangor Royal Office dipetik.

SPWinds yang mempertaruh tiga lagu merangkul hadiah utama selain dua anugerah khas.

## Peluang peniaga menang RM20,000

**SHAH ALAM** - Usahawan Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) berpeluang membawa pulang hadiah lebih RM20,000 menerusi kempen bayar balik.

Yayasan itu memaklumkan kempen mulai 1 Januari hingga 18 Disember terbuka kepada semua usahawan yang masih mempunyai pembiayaan dengan penyertaan secara automatik.

"Pihak penganjur akan membuat pemantauan dari segi bayaran balik usahawan Hijrah secara mingguan atau bulanan melalui sistem IT Hijrah.

"Peserta yang layak menyertai cabutan bertuah diambil berdasarkan usahawan yang membuat bayaran balik secara mingguan atau bulanan secara konsisten tanpa sebarang tunggakan," maklumnya di Facebook.

## Mohon bantuan daftar taska

**SHAH ALAM** - Ibu bapa di Selangor boleh memohon insentif Yuran Pendaftaran Taska (PINTAS) yang dibuka sejak awal bulan ini.

Program kendalian Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) itu menawarkan bantuan sekali bayar RM100 untuk anak berusia empat tahun ke bawah untuk kemasukan ke taska atau nurseri.

Sebanyak 315 permohonan diterima sehingga 15 September. Program itu masih dibuka sehingga sasaran kuota 5,000 penerima dipenuhi.

Permohonan dibuat menerusi pautan [pintas.yawas.com.my](http://pintas.yawas.com.my) dengan melampirkan dokumen dalam tempoh 21 hari.



**SORAK...**  
Orang ramai merakam aksi pelumba Le Tour de Langkawi 2023 peringkat pertama dari Kerteh ke Kuala Terengganu sejauh 187.4km pada 23 September.  
Foto BERNAMA

## Juara terima hadiah RM14,000

# 16 pasukan buru piala Liga Juara

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

**SUBANG JAYA** - Sebanyak 16 pasukan berentap dalam Liga Juara Selangor 2023 (SCL) di Stadium Arena Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) antara 30 September hingga 10 Disember.

Sesi undian pada 18 September menyaksikan lapan pasukan dalam setiap kumpulan bermain dalam tujuh perlawanan. Empat pasukan teratas layak ke peringkat suku akhir.

Memasuki edisi ketujuh, SCL yang diilhamkan Duli Yang Teramat Mulia

Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah menawarkan hadiah wang tunai RM14,000 untuk juara manakala naib juara RM8,000.

Lebih 500 pemain terlibat dalam SCL dalam 63 perlawanan.

Terdahulu, Fairuz Montana daripada Kelana United diumumkan penerima anugerah jurulatih terbaik, manakala Shahrul Haziq yang beraksi dalam pasukan sama sebagai Pemain Muda Terbaik SCL 2022 pilihan penyokong.

Pemain Selangor Belia Harry Danish meraih anugerah gol terbaik manakala Muhammad Harris Sharudin menerima

anugerah jawatankuasa pengadil atas komitmen dan prestasi baik sepanjang kempen SCL 2022.

Berikut adalah keputusan undian SCL 2023:

**Kumpulan A:** Ampang Ukay Positive, Gombak FA, Kg Bharu Boss, Klang Frenz United, Kru Port Klang, Ingress KL, Tebuan Kg Pinang dan KKB Brotherhood

**Kumpulan B:** MBSA, NPNG Damansara Perdana, SFC Youth, PJ Kelana United, Sijangkang City, AAK Puncak Alam, Kajang Northern Merbau dan Najmi SFFC Kota Damansara

## Paya bakau tarikan ekopelancongan

**KLANG** - Lebih 2,000 pengunjung menikmati panorama keindahan flora hutan paya bakau yang subur di Taman Mangrove Point, Pelabuhan Klang setakat 18 September.

Pegawai Khidmat Korporat (Komunikasi) Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) Suhailah Shamsudin berkata taman itu yang menjadi lokasi ekopelancongan terbaharu dibuka sejak Mac tahun lalu.

"Untuk memupuk kesedaran menjaga alam sekitar, mereka perlu datang dan mempelajari ekosistem hutan paya bakau," katanya dalam lawatan bersama

media ke Sungai Klang pada 20 September.

Beliau menambah LLSB mengalu-alukan badan bukan kerajaan, kumpulan sukarelawan atau mana-mana agensi kerajaan untuk menjalankan gotong royong bagi membersihkan Taman Mangrove Point.

Taman berkenaan menerima pengiktirafan Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) bagi kategori Analisis dan Kajian Landskap dalam Anugerah Seni Bina Landskap pada 2019.

Dibuka antara jam 7 pagi hingga 7

malam, taman itu dilengkapi laluan pejalan kaki satu kilometer untuk pengunjung menerokai keindahan hutan paya bakau di sepanjang Sungai Klang.

Jeti menghubungkan Taman Awam Pangkalan Batu di sini bakal dibina bagi memberi nilai tambah kepada Taman Mangrove Point yang dibangunkan dalam projek Gerbang Maritim Selangor (SMG).

Taman berkenaan turut dilengkapi pelbagai kemudahan antaranya surau, tandas, kawasan perkhemahan dan riadah selain kegiatan memancing.